

FTKWW

**SIMBOL DAN FUNGSI PATUNG UKIRAN KAYU ORANG  
ASLI JAH HUT DI KG. KUALA TERBOL, KUALA KRAU  
TEMERLOH, PAHANG**

**NURUL HAFAWATI BINTI AZMI**

**C18A0354**

UNIVERSITI  
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN  
MALAYSIA  
KELANTAN

**2022**



FTKWW

**SIMBOL DAN FUNGSI PATUNG UKIRAN KAYU ORANG ASLI JAH HUT DI KG. KUALA TERBOL, KUALA KRAU TEMERLOH, PAHANG**

**OLEH**

**NURUL HAFAWATI BINTI AZMI**

**C18A0354**

Projek Penyelidikan yang dikemukakan ini untuk memenuhi keperluan bagi Ijazah Sarjana Muda Pengajian Warisan dengan Kepujian

**Fakulti Teknologi Kreatif Dan Warisan**

**Universiti Malaysia Kelantan**

**2022**

## PERAKUAN TESIS


Saya dengan ini mengesahkan bahawa kerja-kerja yang terkandung dalam laporan ini adalah hasil penyelidikan asal dan tidak pernah dikemukakan untuk ijazah yang lebih tinggi kepada mana-mana Universiti atau institusi lain.



AKSES TERBUKA



SULIT



TERHAD

Saya bersetuju bahawa laporan saya akan dibuat segera sedia sebagai salinan keras atau dalam talian akses terbuka (Teks Penuh)

Mengandungi maklumat sulit di bawah Akta Rahsia Rasmi 1972

Mengandungi maklumat terhad yang telah ditentukan oleh organisasi di mana penyelidikan dijalankan

Saya mengakui bahawa Universiti Malaysia Kelantan berhak seperti berikut:

1. Laporan ini adalah hak milik Universiti Malaysia Kelantan.
2. Perpustakaan Universiti Malaysia Kelantan mempunyai hak untuk membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja.
3. Perpustakaan ini mempunyai hak untuk membuat salinan laporan untuk pertukaran akademik.

Disahkan Oleh:



Tandatangan



DR. SURAYA BINTI SUKRI

Senior Lecturer  
Faculty of Creative Technology and Heritage  
University Malaysia Kelantan

Tandatangan Penyelia

Nama: Nurul Hafawati Binti Azmi

Tarikh: 26 Februari 2022

Nama: Dr. Suraya Binti Sukri

Tarikh: 27/2/2022

## PENGHARGAAN

Bersyukur kepada Allah S.W.T atas limpahan rahmat serta nikmat masa, nyawa dan tenaga yang dianugerahkan , dapatlah saya menyiapkan projek penyelidikan ini dengan jayanya. Tambahan lagi projek penyelidikan ini juga merupakan salah satu syarat untuk memperolehi Ijazah Sarjana Muda Pengajian Warisan, Universiti Malaysia Kelantan sesi 2022.

Pada Kesempatan ini. saya menghulurkan jutaan terima kasih kepada Dr. Suraya Binti Sukri selaku penyelia projek penyelidikan saya yang telah banyak memberi dorongan kepada saya sepanjang menyiapkan kajian ini. Segala penat Lelah dan tunjuk ajar yang diberikan oleh beliau dalam menyelesaikan kajian ini amatlah saya hargai. Semoga Allah d.w.t melimpahkan keberkatan kepada beliau.

Seterusnya, sekalung penghargaan dan ucapan terima kasih saya ucapkan kepada arwah bapa saya iaitu Azmi Bin Mohamed dan ibu saya Sabariah Binti Sani serta ahli keluarga yang turut membantu saya dalam menyiapkan kajian ini dari segi sokongan moral dan sokongan secara fizikal. Tidak lupa juga kepada rakan seperjuangan kajian dan banyak memberi idea dan berkongsi maklumat berkenaan kajian ini serta memberikan komitmen yang memberangsangkan dalam menyiapkan projek kajian ini.

Selain itu, terima kasih juga di ucapkan kepada informan yang memberikan maklumat sama ada secara langsing dan tidak langsing. Semoga Allah s.w.t memudahkan segala urusan kami dan memberikan kejayaan di dunia mahupun di akhirat. Akhir kata, saya juga ingin menghulurkan ucapan jutaan terima kasih kepada semua pensyarah dan pihak yang terlibat secara langsung atau tidak.

## ISI KANDUNGAN

### HALAMAN

<b>PERAKUAN</b>	<b>I</b>
<b>PENGHARGAAN</b>	<b>II</b>
<b>SENARAI RAJAH</b>	<b>V</b>
<b>SENARAI GAMBAR</b>	<b>V</b>
<b>SENARAI JADUAL</b>	<b>VI</b>
<b>ABSTRAK</b>	<b>VII</b>
<b>ABSTRACT</b>	<b>VIII</b>

### BAB 1 PENGENALAN

1.0 Pengenalan	3
1.1 Latar Belakang Kajian	5
1.2 Permasalahan Kajian	7
1.3 Persoalan Kajian	8
1.4 Objektif Kajian	8
1.5 Skop Kajian	10
1.6 Kepentingan Kajian	12
1.7 Penutup	12

### BAB 2 KAJIAN LITERATUR

2.0 Pengenalan	13
2.1 Warisan Tidak Ketara	14
2.1.1 Orang Asli	16
2.1.2 Konsep Simbol dan Fungsi	17
2.1.3 Patung	17
2.2 Sejarah Perkembangan Orang Asli Jah Hut	19
2.3 Teori Seni Langer	20
2.4 Penutup	20

<b>BAB 3 METODOLOGI KAJIAN</b>	
3.0 Pengenalan	21
3.1 Pendekatan Kajian	22
3.2 Rekabentuk Kajian	22
3.3 Unit Analisis	23
3.4 Kaedah Kajian	24
3.4.1 Kaedah Kualitatif	25
3.5 Teknik Pengumpulan Data	25
3.5.1 Data Primer	26
3.5.2 Data Sekunder	28
3.6 Pensampelan	29
3.7 Analisis Data	31
3.8 Penutup	32
<b>BAB 4 DAPATAN KAJIAN</b>	
4.0 Pengenalan	33
4.1 Latar Belakang Informan	34
4.2 Sejarah Patung Ukiran Kayu dalam Suku Kaum Jah Hut	44
4.3 Simbolik Patung Ukiran Kayu Jah Hut	57
4.3.1 Upacara Beni Soy Dijalankan pada 2 malam Berturut-turut	57
4.4 Penggunaan Patung Ukiran Kayu Pada Suku Kaum Jah Hut	61
4.5 Inisiatif Bagi Memelihara Warisan Patung Ukiran Kayu Jah Hut Yang Dicadangkan Oleh Informan	64

<b>BAB 5 CADANGAN DAN KESIMPULAN</b>	
5.0 Pengenalan	67
5.1 Cadangan Mengelakkan Warisan Patung	
Ukiran Kayu Jah Hut Agar Dapat	69
Diwarisi Oleh Generasi Akan Datang	
5.2 Penutup	69
<b>RUJUKAN</b>	76
<b>LAMPIRAN</b>	80
<b>LATAR BELAKANG INFORMAN</b>	82
<b>TRANSKRIP TEMUBUAL</b>	101
<b>GLOSARI</b>	103

### **SENARAI RAJAH**

<b>NO.</b>		<b>HALAMAN</b>
1.	Rajah 1.1 Peta Kawasan yang didiami oleh Kaum Orang Asli Jah Hut	4
2.	Rajah 1.2 Peta Lokasi Kampung Kuala Terbol, Kuala Krau Temerloh	9
3.	Rajah 3.4 Carta Alir Proses Analisis Data	31

### **SENARAI JADUAL**

<b>NO.</b>		<b>HALAMAN</b>
1.	Jadual 4.1 Latar Belakang Informan Kajian	35
2.	Jadual 4.1.2 Latar Belakang Informan Kajian	36
3.	Jadual 4.2.1 Senarai peralatan yang digunakan untuk membuat patung ukiran kayu	44

4.	Jadual 4.3 Senarai nama ‘Bes’ makna simbolik Patung Sepilih	52
5.	Jadual 4.3.3 Perjalanan Upacara ‘Beni Soy’	58
6.	Jadual 4.6 Senarai semangat dan maksud	63

### **SENARAI GAMBAR**

NO.	HALAMAN
1. Gambar 4.2 Contoh ‘Sepilih’ yang digunakan dalam perubatan ‘Beni Soy’	40
2. Gambar 4.3.1 Contoh gambaran peralatan yang diperlukan semasa upacara ‘Beni Soy’	54
3. Gambar 4.3.2 Contoh gambaran pakaian puyang ketika upacara ‘Beni Soy’	55
4. Gambar 4.3.4 Contoh gambaran Balai Besar Kandong Embun	60
5. Gambar 4.4 Contoh Kraftangan patung ukiran kayu Jah Hut yang dihasilkan oleh tukang pengukir	62

# **SIMBOL DAN FUNGSI PATUNG UKIRAN KAYU ORANG ASLI JAH HUT DI KG. KUALA TERBOL, KUALA KRAU, TEMERLOH PAHANG.**

## **ABSTRAK**

Penyelidikan ini merupakan satu kajian mengenai simbol dan fungsi patung ukiran kayu Jah Hut di Kg. Kuala Terbol, Temerloh Pahang. Permasalahan kajian ini di mana kurangnya pendokumentasian mengenai sejarah patung ukiran kayu sehingga tidak ramai masyarakat luar yang mengetahui tentang budaya dan kraftangan yang dihasilkan oleh mereka. Selain itu, berlakunya arus pemodenan dalam masyarakat orang asli kerana terlalu banyak hiburan yang lain lebih menarik minat mereka sehingga tiada kesinambungan warisan ukiran patung ini kerana yang tinggal hanyalah golongan yang dah berusia. Penyelidikan ini juga memberi fokus kepada setiap objektif yang telah dikemukakan merangkumi sejarah patung ukiran kayu, simbolik patung ukiran kayu dan juga kegunaan patung ukiran kayu ini kepada suku kaum Jah Hut. Penyelidikan ini juga berpandukan kepada teori seni langer atau teori seni yang merungkai maksud nilai simbolik patung. Kaedah ini juga menggunakan pendekatan etnografi di mana pengkaji melakukan kaedah temubual dan pemerhatian bagi mengumpulkan maklumat serta untuk menginterpretasi bentuk perkongsian mengenai sejarah budaya sesebuah kaum Kesimpulannya, penyelidikan ini diharapkan dapat menjadi penanda aras untuk kesinambungan warisan patung ukiran kayu suku kaum Jah Hut.

Kata Kunci: Patung ukiran kayu, sejarah, nilai simbolik, penggunaan patung ukiran kayu.

# **SYMBOLS AND FUNCTIONS OF ORANG ASLI JAH HUT WOOD CARVING STATUES IN KG. KUALA TERBOL, KUALA KRAU, TEMERLOH PAHANG.**

## **ABSTRACT**

This research is a study on the symbols and functions of Jah Hut wood carving sculptures in Kg. Kuala Terbol, Temerloh, Pahang. The problem with this study is the lack of documentation on the history of wood carving sculptures, so not many outsiders know about the culture and handicrafts produced by them. In addition, there is a current of modernization in the aboriginal community because too many other entertainments are more interesting to them, so there is no continuity in the heritage of this sculpture because only the elderly remain. This research also focuses on each objective that has been presented, including the history of wood carving statues, symbolic wood carving statues, and the use of these wood carving statues by the Jah Hut tribe. This research is also guided by Langer art theory, an art theory that unravels the meaning of the symbolic value of sculpture. This method also uses an ethnographic approach where researchers conduct interviews and observations to gather information and interpret the form of sharing about the cultural history of a race.

Keywords: wood carving sculpture, history, symbolic value, use of wood carving sculpture.

## BAB SATU

### PENGENALAN

#### 1.0 PENGENALAN

Orang asli adalah orang asal yang menduduki di Semenanjung Tanah Melayu dan mempunyai 18 suku kaum. Suku kaum yang paling terbesar adalah Senoi dan salah satunya adalah suku kaum Jah Hut. Bagi istilah Jah Hut, Jah membawa maksud ‘orang’ dan Hut membawa maksud ‘hutan’ (Carey, 1976). Namun berbeza pandangan ataupun maksud yang diberikan oleh kaum orang asli Jah Hut sendiri iaitu Jah bermaksud ‘orang’ manakala Hut ialah ‘tidak’.

Malaysia merupakan sebuah negara yang kaya dengan pelbagai warisan kerana mempunyai pelbagai kaum dan etnik. Namun demikian, terdapat tiga pandangan definisi budaya iaitu daripada ahli antropologi, di mana menurut Edward B.Taylor yang menyatakan bahawa manusia atau ahli masyarakat itu mempunyai pengetahuan, seni, undang-undang, kepercayaan, adat resam dan juga tingkah laku seperti yang ditulis di dalam bukunya iaitu *Primitive Culture*. Dari segi sosiologi, budaya itu merupakan cara hidup manusia sama ada dalam bentuk fikiran, kepercayaan, perlakuan atau penghasilan dalam sesbuah masyarakat dan digenerasikan kepada generasi akan datang. Manakala, yang terakhir pandangan daripada ahli budayawan iaitu Ahmad, A. S., (1930) yang mengatakan bahawa budaya itu terbahagi kepada aspek material dan bukan material. Aspek material adalah bentuk kebendaan atau reka cipta yang boleh dilihat ataupun disentuh. Selain itu, aspek bukan material adalah merujuk kepada tingkah laku, kesenian dan adat resam(Aminah & Mohd, 2015).

Antara masyarakat yang terawal di negara ini adalah masyarakat Orang Asli mahupun masyarakat peribumi yang mempunyai tamadun dan corak kehidupan yang tersendiri. Mereka ini mempunyai susur galur di antara zaman Mesolitik dan Paleolitik. Kehidupan masyarakat Orang Asli ini berkait rapat dengan alam semula jadi walaupun telah berlaku peredaran zaman. Orang asli ini mempunyai kepercayaan yang tinggi dengan alam ghaib. Mereka percaya bahawa alam semula jadi yang ada di persekitaran mereka mempunyai roh ataupun semangat yang akan membantu mereka menjalankan kehidupan sehari-hari mereka. Kemahiran yang dimiliki oleh masyarakat Orang Asli ini telah menghasilkan pelbagai kraftangan kerana mereka memanfaatkan bahan semula jadi dan orang asli ini juga kreatif dalam mengitar semula bahan terbuang. Ini kerana, penempatan Orang Asli berada di kawasan pendalaman yang jauh dari bandar. Disebabkan itu, mereka perlu berfikiran kreatif dan berkemahiran dalam seni kraftangan bagi membantu mereka menjalani kehidupan sehari-hari dengan baik (Mustafa, 2013).

Seni ukiran yang dihasilkan daripada kayu sama seperti ukiran-ukiran kayu yang lain, tetapi yang membezakannya adalah dari segi teknik pengukiran dan penggunaan sesuatu ukiran itu. Seni ukiran ini berkembang pesat dalam masyarakat Melayu dan orang asli kerana mempunyai hasil kayu kayan yang banyak di hutan. Kayu merupakan bahan alam yang sesuai untuk dijadikan sebagai bahan ukiran kayu. Sementara itu, di Sabah dan Sarawak juga mempunyai pelbagai seni ukiran kayu yang melambangkan identiti masyarakat orang asli di Sabah dan Sarawak. Seni ukiran ini tidak hanya tertumpu kepada ukiran yang dilakukan tetapi kegunaan mahupun fungsi ukiran yang dihasilkan itu kepada sesebuah masyarakat (Sani, 2016).

Dalam pada itu, seni ukiran umumnya dedifiniskan kepada membentuk reka bentuk pada kayu dengan proses menorah, menggores serta memahat dengan menggunakan pahat (Sani, 2016). Bagi tukang pengukir kerja mengukir yang dihasilkan di atas bahan kayu itu

sebagai satu cara penghayatan dari segi emosi dan daya cipta. Teknik yang digunakan oleh tukang pengukir juga bebas dan tidak terikat dengan mana-mana seni. Dalam budaya masyarakat orang Asli mereka mempercayai bahawa seni ukiran kayu itu sebagai satu cara penghubung mereka dengan alam realiti dan metafizikal. Sejarah kebudayaan juga membuktikan kepercayaan seseorang itu didorong oleh kepercayaan dan agama yang dianut oleh sesebuah masyarakat.

Bukan itu sahaja, dalam kalangan masyarakat orang asli, golongan wanita mempunyai kemahiran dalam menghasilkan kraftangan. Pada pandangan mereka, segala bahan yang ada di persekitaran mereka samada bahan buangan, hasil dalam hutan dan sebagainya perlu dimanfaatkan dengan sebaiknya. Manakala, bagi golongan lelaki mereka berkemahiran dalam ukiran kayu yang digunakan dalam upacara ritual bagi merawat penyakit ataupun upacara menghalau hantu. Oleh itu, Orang asli Jah Hut ini sememangnya terkenal dalam perubatan tradisional di mana mereka menggunakan patung ukiran kayu yang diperbuat daripada kayu-kayan seperti kayu tutor, cengal, merbau, kemuning kerabu, batang pisang, dan lain-lain (Mustafa, 2013). Ukiran kayu ini juga menjadi punca pendapatan bagi mereka. Kesenian yang dihasilkan oleh tukang kayu itu didorong oleh cita rasa agama (Sani, 2016).



# UNIVERSITI

# MALAYSIA

# KELANTAN

## 1.1 LATAR BELAKANG KAJIAN



Rajah 1. 1: Peta Kawasan yang didiami oleh Kaum Orang Asli Jah Hut.

Sumber : Google Maps 2021

Rajah 1.1 menunjukkan peta kawasan yang didiami oleh suku kaum orang asli Jah Hut di Negeri Pahang. Menurut Jabatan Hal Ehwal Orang Asli (JAKOA, 2011), suku kaum Jah Hut ini berada di daerah Temerloh dan juga Jerantut Pahang. Namun demikian, perkampungan komuniti ini yang ada di sekitar daerah Temerloh adalah kawasan Kerdau iaitu –Paya Paleng, Paya Mengkuang, Kuala Krau-Penderas, Pasu Pian, Kuala Terbol, Ulu Cheka, Damak, Mendoi, Seboi Pasu, Pian dan Galong. Namun begitu, di kawasan Jerantut perkampungan mereka adalah di Sungai Kiol.

Masyarakat Orang Asli ini terbahagi kepada tiga kelompok dan dipecahkan kepada lapan belas sub etnik. Kelompok yang paling terbesar adalah kelompok Senoi dan diikuti Melayu Proto dan kelompok Negrito. Orang Asli Negrito terdiri daripada enam kaum iaitu Bateq, Mendriq, Jahai, Lanoh, Kintak, dan Kensiu. Kawasan yang didiami adalah di kawasan Perak (Gerik, Banun, Sungai Tiang, Persisiran Empangan Temenggor dan kawasan

pendalaman hulu Perak). Selain itu, di Kelantan (Sungai Ruai, Jeli dan kawasan pendalaman), dan negeri Kedah (Baling). Lokasi penempatan Orang Asli Negrito ini berhampiran dengan persisiran tasik dan kuala sungai (JAKOA,2021).

Kelompok orang asli Melayu-Proto terdiri daripada tujuh suku kaum iaitu Temuan, Semelai, Jakun, Orang Kanaq, Orang Kuala, Temoq, dan Orang Seleter. Mengikut sumber yang dikemukakan oleh Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA), kaum ini tinggal di sekitar Selangor, Negeri Sembilan, Melaka dan Johor. Perkampungan mereka terletak di kawasan bandar dan pinggir bandar yang berhampiran dengan gunung, kuala sungai dan persisiran pantai (JAKOA, 2021).

Manakala, kelompok orang asli Senoi ini terdiri daripada suku kaum Semai, Temiar, Semaq Beri, Jah Hut, Mah Meri dan Chewong. Kawasan yang didiami oleh kelompok Senoi ini adalah di kawasan lereng Banjaran Titiwangsa iaitu meliputi kawasan Perak Tengah, Perak Selatan, Kelantan dan Pahang (Jerantut, Maran, Temerloh, Raub dan Kuantan) serta hulu Terangganu (Kemamam). Di negeri Pahang jumlah kaum orang asli adalah sebanyak 5328 dan majoriti di daerah Temerloh dan Jerantut manakala di negeri Perak dan Selangor hanya sebilangan kecil sahaja yang ada. Jumlah penduduk Jah Hut ini bertambah daripada 5328 kepada 5618. Ini kerana, pada tahun 2000, jumlah penduduk yang ada adalah seramai 2442 dan pada tahun 2005 sebanyak 4000 orang asli yang ada tinggal di 11 buah kampung sepanjang tebing barat Sungai Pahang (Mustafa, 2013).

## **1.2 PERMASALAHAN KAJIAN**

Secara amnya, masyarakat di Malaysia ini menyedari kepentingan memelihara warisan budaya ini. Tetapi masih ada segelintir masyarakat yang tidak mengambil tahu bahawa pentingnya memelihara warisan kesenian ini hilang daripada arus pemodenan yang semakin pesat agar dapat diwarisi kepada generasi akan datang.

Kurang pendokumentasian mengenai sejarah patung ukiran kayu yang dihasilkan oleh masyarakat kaum Jah Hut ini. Hal ini kerana, tidak ramai masyarakat di luar sana mengetahui tentang budaya dan kraftangan yang dihasilkan oleh mereka. Selain itu, tiada pendokumentasian dibuat tentang warisan kraftangan masyarakat orang asli Jah Hut. Oleh itu, generasi yang berpendidikan merasa bertanggungjawab untuk memberi pendedahan tentang pentingnya bagi menjaga warisan komuniti mereka agar mereka dapat menghayati warisan tersebut pada masa akan datang.

Berlakunya arus pemodenan dalam masyarakat kaum orang asli. Pada zaman ini terlalu banyak hiburan yang menarik golongan remaja sehingga menyebabkan kurangnya minat mereka untuk memelihara warisan kraftangan komuniti mereka sendiri. Suku kaum Jah Hut ini sudah sebat dengan tempias pemodenan tetapi masih ada lagi yang mempertahankan kesenian warisan yang diwariskan oleh nenek moyang mereka seperti mengukir patung kayu. Walaubagaimanapun, yang mempertahankannya adalah golongan yang berusia. Manakala, golongan muda tidak meminati lagi untuk mewarisi warisan tersebut akibat daripada arus pembangunan dan pemodenan yang semakin pesat sekarang (Siti Aminah & Seow, 2017). Jika perkara ini berterusan maka tidaklah pelapis tukang pengukir patung ukiran kayu kaum Jah Hut ini dalam golongan remaja sekarang sehingga terpususnya keseniaan tersebut. Hal ini kerana, terutama golongan remaja tidak diberi pendedahan yang mendalam tentang keistimewaan patung ukiran kayu tersebut menyebabkan mereka tidak berminat untuk mengetahui maksud ataupun menghasilkan warisan patung ukiran kayu itu.

Hidup atau matinya warisan budaya itu bergantung kepada penggunaan dan penghayatan sesuatu komuniti dalam memelihara warisan budaya mereka. Oleh sebab itu, ada sesetengah pihak merasakan punca kepada tersekatnya kemajuan bangsa adalah disebabkan tiada pihak yang berusaha mempertahankan warisan ini. Sekiranya masyarakat dapat memelihara dan memulihara sesuatu warisan itu maka penghayatan warisan itu tidak akan ditelan zaman.



# UNIVERSITI

---

# MALAYSIA

---

# KELANTAN

### **1.3 PERSOALAN KAJIAN**

Dalam persoalan kajian ini, pengkaji telah membina beberapa persoalan bagi mendapat idea untuk membentuk objektif kajian dalam kajian mengenai simbol dan fungsi patung ukiran kayu orang asli Jah Hut. Antara persoalannya adalah:

- a. Apakah sejarah patung ukiran kayu dalam suku kaum Jah Hut?
- b. Apakah simbolik patung ukiran kayu ini kepada suku kaum Jah Hut?
- c. Bagaimanakah kegunaan patung ukiran kayu ini dalam suku kaum Jah Hut?

### **1.4 OBJEKTIF KAJIAN**

Dalam menjalankan kajian ini, pengkaji telah membentuk beberapa objektif kajian sebelum menjalankan kajian mengenai simbol dan fungsi patung ukiran kayu orang asli Jah Hut. Beberapa objektif kajian juga telah digariskan dan diteliti sebaiknya untuk menjawab persoalan kajian seperti yang di paparkan di bawah:

- a. Untuk mengetahui sejarah patung ukiran kayu dalam suku kaum Jah Hut.
- b. Untuk mengenalpasti simbolik patung ukiran kayu dalam suku kaum Jah Hut.
- c. Untuk mengkaji penggunaan patung ukiran kayu pada suku kaum Jah Hut.

## 1.5 SKOP KAJIAN



Rajah 1.2 Peta Lokasi Kampung Kuala Terbol, Kuala Krau Temerloh

Sumber: Google Maps (Maps, n.d.) 2021.

Skop kajian yang telah dipilih oleh pengkaji adalah merangkumi kawasan yang didiami oleh masyarakat orang asli Jah Hut. Pemilihan tapak kajian ini adalah kerana Kampung Kuala Terbol ini mempunyai nilai sejarah perkembangan masyarakat dan keunikan adat dan budaya orang asli Jah Hut di negeri Pahang. Kampung Kuala Terbol ini mempunyai asal usulnya yang tersendiri. Asal usul nama Kampung Kuala Terbol ini adalah bermula dari sungai Terbol yang mengalir di sekitar kawasan di situ. Keunikan sungai ini adalah dikatakan datang daripada pokok yang bernama Tadiak. Pokok Tadiak ini ia mengeluarkan air yang berwarna merah menyebabkan warna air sungai di situ bewarna kekuningan yang dicampur dengan kemerah. (Samad, Kajian Lapangan 2021).

Namun begitu, dengan bantuan daripada pihak JAKOA yang ingin merealisasikan satu program yang diberi nama Program Penempatan Tersusun, Kampung Kuala Terbol telah

berjaya dibina pada tahun 1960. Matlamat program tersebut adalah mengumpulkan masyarakat Orang Asli yang tinggal tidak tersusun kepada satu penempatan yang lebih tersusun bagi menyediakan kemudahan yang baik kepada mereka seperti pendidikan dan juga kesihatan (JAKOA, 2011).

Pihak JAKOA telah berjaya mengumpul masyarakat Orang Asli Jah Hut di Kg. Kuala Terbol daripada sekitar kawasan Gunung Senyum. Usaha yang dijalankan ini adalah kerjasama daripada pelbagai pihak seperti Jabatan Perhutanan. Ini jelaslah menunjukkan program yang dilaksanakan oleh pihak JAKOA telah berjaya sehingga dapat menyediakan penempatan bagi masyarakat Orang Asli dengan lebih tersusun pada tahun 1970 (JAKOA 2011).

Di awal peringkat penubuhan Kampung Kuala Terbol jumlah rumahnya dalam lingkungan 50 ke 60 buah rumah, tetapi disebakan berlakunya penempatan baru yang ditempatkan di sekitar kawasan situ menyebabkan sebahagian masyarakat Orang Asli telah berpindah ke Kampung Kuala Penderas kerana terdapat fasiliti seperti sekolah dan pusat kesihatan yang lebih dekat. Penempatan Kampung Kuala Terbol ini adalah di kawasan pendalam dan agak sukar untuk keluar ke kawasan bandar. Oleh itu, jumlah penduduk Orang Asli Jah Hut di Kg. Kuala Terbol adalah seramai 305 orang dan mempunyai 41 buah rumah sahaja. (Samad, Kajian Lapangan 2021).

## **1.6 KEPENTINGAN KAJIAN**

Setiap kajian yang dilakukan mempunyai matlamat dan peranan yang tersendiri mengikut kepada objektif yang ditetapkan. Kepentingan kajian yang akan diperolehi hasil dari kajian yang dilaksanakan adalah merangkumi beberapa pihak yang terlibat iaitu seperti kepada pengkaji. Hasil kajian ini dapat melatih dan mendidik pengkaji dalam melaksanakan sesuatu kajian penyelidikan untuk masa hadapan dan kajian yang dilakukan ini dapat menjadi sumber pendedahan kepada masyarakat.

Selain itu, kajian ini juga mendatangkan kepentingan kepada pihak universiti. Tujuan universiti mewajibkan projek penyelidikan ini adalah untuk memberikan pendedahan dan melaksanakan penyelidikan baru untuk kepentingan masa hadapan. Hasil kajian ini dapat memberi kepentingan kepada universiti kerana telah melahirkan para pengkaji yang berilmu dan berpengetahuan. Selain itu, juga, universiti akan menjadi sebagai pusat rujukan ilmiah atau tempat lahirnya kajian ilmiah tentang bidang pengajian warisan.

Di samping itu, ia juga mampu meningkatkan kesedaran dalam komuniti bahawa pentingnya untuk memelihara dan memulihara warisan patung ukiran kayu ini. Seperti yang sedia kita maklum, permasalahan kajian ini adalah di mana kurangnya penglibatan daripada golongan remaja. Oleh itu, jika kajian ini dapat dijalankan dengan baik, ia akan membantu untuk tingkatkan kesedaran kepada golongan remaja bahawa betapa pentingnya untuk memelihara warisan yang dihasilkan oleh masyarakat sendiri. Ini kerana, sesuatu warisan itu hanya dapat dipertahankan jika mempunyai kesinambungan daripada sebelum ini.

Akhir sekali, kajian ini juga dapat memberi kepentingan kepada pelajar. Hal ini dikatakan kerana, hasil kajian yang dilaksanakan ini diharap dapat memberi pendedahan kepada para pelajar dalam kepentingan memelihara warisan patung ukiran kayu ini. Kajian ini juga diharap dapat menjadi salah satu bahan rujukan kepada pelajar pada masa hadapan.

Inisiatif ini diharap dapat menyedarkan semua pihak tentang kepentingan memelihara warisan patung ukiran kayu Jah Hut ini.

## 1.7 PENUTUP

Secara kesimpulannya, bahagian ini membincangkan tentang latar belakang kajian, permasalahan, persoalan, objektif, skop dan kepentingan kajian yang ingin dilaksanakan oleh pengkaji. Segala aturan ini amat penting bagi peringkat awal kajian untuk mengenalpasti dengan lebih terperinci tentang hala tuju dan isu-isu yang menjadi permasalahan dalam kajian ini. Elemen-elemen tersebut menjadi kayu ukur kearah kejayaan pengkaji dalam penghasilan penulisan kajian yang lebih sistematik, efisien dan mampu memberi manfaat terhadap diri serta masyarakat setempat.

UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN

## BAB DUA

### KAJIAN LITERATUR

#### 2.0 PENGENALAN

Dalam bab ini, pengkaji akan membincangkan sorotan kajian mengenai simbol dan amalan kepenggunaan patung ukiran kayu dalam masyarakat orang asli Jah Hut di Kampung Kuala Terbol, Kuala Krau Temerloh Pahang. Melalui kaedah ini, pengkaji akan menggunakan fakta dan maklumat yang bersangkutan dengan kajian yang ingin dijalankan. Bab ini juga akan mengupas mengenai sejarah dan perkembangan dan teori kepenggunaan patung ukiran kayu ini kepada masyarakat Orang Asli Jah Hut.

#### 2.1 WARISAN TIDAK KETARA

Menurut Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka Edisi Keempat (2007) definisi warisan adalah perkara yang diterima secara turun temurun oleh masyarakat daripada generasi terdahulu. Hal ini juga telah termaktub bahawa definisi warisan merupakan apa jua tinggalan turun temurun sama ada ia buatan atau semula jadi yang boleh dialih mahupun tidak boleh dialih ataupun boleh dilihat dan disentuh ataupun tidak boleh dilihat dan disentuh di dalam Akta Harta Benda Purba (Melayu, 2011).

Tambahan pula, dalam Akta Warisan Kebangsaan 2005, warisan tidak ketara melibatkan pengekalan warisan yang wujud berhubung dengan warisan Malaysia yang mempunyai nilai estetika yang tinggi. Warisan tidak ketara juga terbahagi kepada empat cawangan iaitu, cawangan adat dan budaya, cawangan seni persembahan, cawangan bahasa &

persuratan dan cawangan seni halus dan kraf. Namun begitu, konsep warisan budaya tidak ketara menurut Mohd Yuszaidy Mohd Yusoff (2018) menyatakan bahawa kegiatan budaya terhasil daripada pengamatan manusia melalui proses pengalaman yang dilalui oleh manusia. Warisan ini wujud melalui aktiviti budaya dan falsafah masyarakat terdahulu. Perbincangan tersebut telah memperlihatkan warisan budaya tidak ketara ini sebagai sesuatu yang perlu dikekalkan untuk mewujudkan ketamadunan manusia berdasarkan ilmu pengetahuan untuk membentuk warisan turun temurun yang menjadi identiti kepada bangsa kita.

### **2.1.1 ORANG ASLI**

Orang Asli umumnya pada ketika dahulu dikenali sebagai penduduk suku di Tanah Melayu, tetapi pada tahun 1960 istilah “Orang Asli” telah diperkenalkan di Semenanjung Malaysia pada ketika itu (Gomes, 2020). Adalah dipercayai bahawa kebanyakkan mereka berasal dari China dan Tibet yang mengikuti laluan migrasi melalui daratan Asia Tenggara sebelum berpindah ke Semenanjung Malaysia dan Kepulauan Indonesia. Nama “Orang Asli” adalah istilah Melayu yang diterjemahkan kepada “Orang Asli” atau erti kata lain “Orang Pertama”. Ini merupakan istilah kolektif yang telah diperkenalkan oleh ahli antropologi dan pentadbir kepada 18 kumpulan etnik yang umumnya dikelaskan kepada tiga iaitu Senoi, Negrito, dan Melayu Proto (Masron et al., 2013).

Menurut Hasan Mat Nor (1988), terdapat dua kelompok warga peribumi di Malaysia iaitu bumiputera dan Orang Asli. Kaum bumiputera di Semenanjung Malaysia terdiri daripada Orang Melayu dan Orang Asli meliputi tiga kelompok suku kaum yang dikenali sebagai Negrito, Senoi dan Melayu Proto. Manakala penduduk di Sabah dan Sarawak dikenali sebagai Orang Melayu, Iban, Bidayuh, Kayan, Kenyah, Kelabit, Melanau, Murut dan pelbagai lagi etnik yang lain.

Orang Asli merupakan sebuah masyarakat minoriti peribumi yang tinggal di situ selain Orang Melayu, Cina dan India. Dalam Perlembagaan Malaysia, takrifan Orang Asli merujuk kepada Orang Asli Semenanjung Tanah Melayu seperti yang termaktub di dalam Akta 134 iaitu Akta Orang Asli pada tahun 1954 di bawah Fasal 3 (JAKOA, 2021) iaitu:

- i. Bapanya adalah seorang dari rumpun bangsa Orang Asli, yang bercakap dalam bahasa Orang Asli lazimnya mengikut cara hidup Orang Asli dan adat kepercayaan Orang Asli, dan termasuklah seseorang keturunan melalui lelaki itu;
- ii. Mana-mana orang dari apa-apa kaum yang diambil sebagai anak angkat semasa masih kanak-kanak oleh Orang Asli dan telah dididik sebagai Orang Asli, yang lazimnya mengikut cara hidup Orang Asli dan kepercayaan suku kaum dan adalah seseorang itu berasal daripada masyarakat Orang Asli ; atau
- iii. Anak dari apa-apa persatuan antara seorang perempuan Orang Asli dengan seorang lelaki dari satu kaum yang lain, dengan syarat bahawa anak itu fasih berbahasa Orang Asli, dan mengikut cara hidup Orang Asli dan adat kepercayaan akan menjadikan seseorang itu masih masyarakat Orang Asli.

Intihanya, daripada Akta Orang Asli 1954 tadi jelas menunjukkan bahawa seseorang itu boleh dianggap Orang Asli sekiranya keturunan bapanya mengamalkan cara hidup budaya, adat dan bahasa Orang Asli. Selain itu, jika individu tersebut telah diambil sebagai anak angkat dalam keluarga tersebut maka individu tersebut akan dianggap sebagai Orang Asli walaupun dia bukan Orang Asli. Akhir sekali, jika seseorang mahupun individu tersebut daripada kaum lain tetapi fasih berbahasa Orang Asli dan mengikut adat dan budaya ia akan menjadikan seseorang itu sebahagian daripada masyarakat Orang Asli.

## **2.1.2 KONSEP SIMBOL DAN FUNGSI**

Umumnya konsep simbol adalah sesuatu perkara yang mempunyai makna yang tersembunyi. Oleh itu, maksud simbol adalah gambaran kepada sesuatu perkara dan diluahkan kepada sesuatu objek mahupun patung (Melinda, 2015). Walaupun simbol ini mewakili elemen daripada alam semesta seperti udara, air, bulan dan sebagainya ia tetap mempunyai makna simbolik yang tertentu. Setiap ukiran yang dihasilkan itu mempunyai makna dan tujuan tertentu. Bagi mendapatkan makna sesuatu objek, ia perlu dilihat dari segi pola, struktur mahupun bentuk. Pola merupakan salah satu sistem nilai yang menggambarkan pemikiran-pemikiran dan nilai yang dihasilkan oleh tukang pengukir kayu. Bentuk adalah perkara yang wujud dari struktur yang dilihat secara fizikal di dalam sesuatu karya. Oleh itu, pola struktur dan bentuk akan saling mempengaruhi antara satu sama lain ketika menghasilkan sesuatu ukiran bagi merungkai makna simbolik di sebalik hasil karya itu (Melinda, 2015).

Namun begitu, dalam amalan kebudayaan masyarakat Orang Asli simbol merupakan komponen yang sangat penting kerana tersimpan pelbagai makna, pendirian, pertimbangan, kepercayaan dan juga pengalaman tertentu dan diaplikasikan ke dalam bentuk yang akan difahami dan dihayati secara bersama. Ini kerana simbol merupakan sarana yang akan menyimpan atau mengungkapkan makna-makna atau kepercayaan masyarakat itu ke dalam bentuk objek seperti patung ukiran kayu (Adisukma, 2019).

Seterusnya, konsep fungsi sesuatu objek mahupun patung mempunyai tujuannya yang tersendiri. Dalam masyarakat suku kaum Orang Asli Jah Hut patung ukiran kayu ini mempunyai kegunaanya yang tersendiri. Setiap ukiran yang dihasilkan berpandukan kepada persekitaran serta imaginasi mereka tersendiri. Fungsi ukiran yang dihasilkan itu memberi makna yang mendalam bagi Orang Asli Jah Hut. Patung ukiran kayu itu membantu mereka pulih dari penyakit serta sebagai penjaga kehidupan mereka. Ukiran yang dihasilkan itu berfungsi sebagai pengantara manusia dengan alam ghaib bagi tujuan perubatan dan pemujaan.

Tetapi berbeza pada masa kini patung ukiran kayu berfungsi sebagai keperluan ekonomi mereka bagi mendapatkan sumber pendapatan (Sani, 2016).

### **2.1.3 PATUNG**

Patung dalam pemahaman lazimnya merujuk kepada 3 dimensi iaitu imej, karakter dan juga figura manusia. Tujuan penghasilan patung adalah untuk memberikan penghargaan, penghormatan atau pengiktirafan kepada jasa dan sumbangaan (Abidinhazir, 2014). Menurut Shahrum Yub (1980), Hoessein Enas merupakan salah seorang seniman yang berusaha untuk memperkenalkan arca ukiran kayu masayarakat Orang Asli Mah Meri kepada orang luar. Ini membuktikan Orang Asli Jah Hut mempunyai kemahiran dalam penghasilan patung ukiran kayu.

Namun begitu, terdapat pandangan daripada kajian Patung Primitif Batak di Indonesia yang mengatakan bahawa patung untuk dijadikan sebagai pedoman iman yang menciptakan jarak diantara alam realiti dan alam ghaib. Masyarakat menciptakan “sesuatu” ke dalam bentuk patung, dengan simbol-simbol yang sukar untuk diungkapkan dalam kata-kata mahupun dilihat oleh mata kasar (Saragi, 2008).

## **2.2 SEJARAH DAN PERKEMBANGAN ORANG ASLI JAH HUT**

Kedatangan Orang Asli di Semenanjung Malaysia telah menunjukkan Orang Asli telah tinggal hampir selama 7000 tahun. Ada di antara mereka juga berasal daripada wilayah Khmer atau Kemboja. Kegiatan harian mereka adalah menjadi pemburu dan juga pencari makanan di dalam hutan.

Menurut JHEOA 2002, menyatakan bahawa sebelum tahun 1960, Orang Asli adalah sebagai kategori etnik yang tidak wujud. Terdapat pelbagai masyarakat minoriti peribumi di Semenanjung Malaysia tidak melihat diri mereka sebagai kumpulan homogen, dan mereka juga tidak sedar bahawa mereka adalah penanda etnik Orang Asli Semenanjung. Oleh itu, bagi memudahkan pentadbiran pada ketika itu, Orang Asli telah dipecahkan kepada tiga kategori mengikut budaya, bahasa dan lokasi geografi. Orang Asli Negrito memiliki kulit gelap dan rambut keriting dan hidup sebagai pemburu. Manakala, Orang Asli Melayu Proto mempunyai warna kulit yang lebih rata, rambut lurus dan menjalankan kegiatan bertani. Kategori akhir sekali, Orang Asli Senoi yang mempunyai pelbagai warna kulit, rambut yang ikal, menjalankan kegiatan sebagai pemburu dan pendagang, Orang Asli Senoi juga dianggap berasal daripada pencampuran antara Negrito dan penduduk Asia Timur (Masron, 2013).

Umumnya masyarakat Orang Asli di Semenanjung Malaysia mendiami di kawasan utara Malaysia-Thailand sehingga Selat Johor di Selatan. Antara kawasan penempatan mereka adalah di Kelantan dan Banjaran Titiwangsa. Selebihnya tinggal di kawasan penempatan di tanah rendah berhampiran kampung Melayu. Oleh itu, ada sebahagian Orang Asli tinggal di kampung dan ada juga yang tinggal di kawasan penempatan yang disediakan oleh pihak kerajaan (Md Adam & Yusop, 2020).

Pagar Ruyung merupakan nama tempat asal bagi komuniti orang Jah Hut. Masyarakat Jah Hut ini berketurunan Minangkabau dari Pagar Ruyung. Mengikut orang dulu-

dulu, pada tahun 1862 masyarakat Jah Hut telah melarikan diri kerana berlakunya pemberontakan Rawa dan mereka mendiami di sekitar kawasan Sungai Sematan iaitu itu Lembah Krau. Disebabkan itu mereka telah berpindah ke Lembah Krau dan menetap di kawasan itu sehingga hari ini. Tetapi berbeza pandangan daripada Couillard (1980) yang mengatakan bahawa kedatangan Orang Asli Jah Hut ke Semenanjung adalah kerana kepadatan penduduk di tempat asal mereka yang memaksa mereka untuk meninggalkan tempat tersebut. Walaubagaimanapun, masyarakat Jah Hut telah melarikan diri ke kawasan pendalam kerana kehadiran masyarakat orang Melayu di Kuala Krau (Md Adam & Yusop, 2020).

### **2.3 TEORI SENI LANGER**

Susanne K. Langer (1957) merupakan seorang ahli falsafah yang dikenali dengan teori seni atau estetikanya. Menurut dia dalam bukunya iaitu *Feeling and Form* yang menyebut karya seni sebagai bentuk ekspresi atau sebagai simbol seni. Beliau menyebut simbol seni pada setiap karya seni adalah suatu perkara yang menyerupai fungsi simbolik.

Simbol seni adalah kiasan, gambaran yang dilahirkan atau mempunyai makna literal yang mendalam. Simbol seni adalah gambaran mutlak, gambar yang sebaliknya tidak rasional, kerana itu adalah sesuatu perkara yang benar-benar tidak dapat digambarkan. Simbol-simbol dalam seni dapat memberi makna kesuburan, kesucian, kelahiran semula, kewanitaan, cinta, kezaliman dan sebagainya. Pemahaman ini termasuk dalam karya seni sebagai unsur-unsur yang membuat dan mengartikulasikan bentuk organiknya, serta subjek yang terkandung di dalamnya (Van Peursen, 1993). Penggunaan simbol artistik terletak pada tahap semantik yang berbeza dari karya seni yang mengandunginya.

Namun begitu, mengetahui fungsi simbol itu sangatlah penting kerana tanpa memahami sesuatu simbol sukar untuk manusia membuat perubahan dan simbol hanya muncul apabila manusia melalui proses pembelajaran. Ini kerana, perkembangan budaya itu berlaku apabila manusia belajar dari sesuatu perkara. Oleh itu simbol itu menjadi satu penanda aras ataupun pembaharuan yang baharu dalam sesebuah masyarakat. Walaubagaimanapun, simbol dan simbol seni adalah sesuatu perkara yang berbeza kerana bentuk seni dari perspektif yang lain adalah sebagai satu ekspresi kepada sesuatu perkara manupun objek. Tetapi sukar untuk mencari pengertian yang khusus ataupun makna yang tepat disebalik simbol seni itu. Oleh demikian, patung adalah sebagai simbol seni persembahan atau penyampai, yang harus difahami bahawa patung itu bukan hanya patung, tetapi mempunyai makna yang mendalam dan lebih meluas di sebalik patung yang dihasilkan itu (Saragi, 2008).

#### **2.4 PENUTUP**

Kajian lepas amat penting dalam penyelidikan. Bahagian ini membincangkan mengenai sorotan kajian lepas yang diperolehi dari pelbagai sumber dan akan digunakan oleh pengkaji sepenuhnya untuk melengkapkan kajian yang memerlukan teknik pengumpulan yang cekap, Kajian lepas yang diperolehi mempunyai kaitan dengan patung ukiran kayu Jah Hut.

## BAB TIGA

### METODOLOGI KAJIAN

#### 3.0 PENGENALAN

Metodologi kajian adalah satu langkah atau teknik membentuk, mengumpul dan menganalisis data supaya dapat menghasilkan bukti yang kukuh yang boleh menjadi kayu ukur dalam sesuatu serta bagi mengumpul dan menganalisis data melalui kaedah-kaedah yang tertentu.

Pengkaji juga akan menggunakan sumber primer dan sekunder dalam mendapatkan data serta maklumat berkaitan patung ukiran kayu Orang Asli Jah Hut di Kampung Kuala Terbol, Kuala Krau Temerloh, Pahang. Pengumpulan maklumat awal melalui internet dan sumber ilmiah dilakukan pada awal peringkat kajian manakala tinjauan secara atas talian terhadap responden yang terpilih berfungsi sebagai sumber yang utama dalam menjawab segala objektif dan persoalan kajian ini. Kebijaksanaan pengkaji dalam pengumpulan maklumat ini amat dititikberatkan supaya hasil yang diperolehi di penghujung kajian mencapai objektif yang ditetapkan.

#### 3.1 PENDEKATAN KAJIAN

Dalam menjalankan kajian mengenai simbol dan fungsi patung ukiran kayu Jah Hut di Kampung Kuala Terbol, Kuala Krau Temerloh, Pahang, pengkaji telah memilih pendekatan etnografi bagi mengkaji sejarah budaya dan warisan patung ukiran kayu Orang Asli Jah Hut. Pendekatan etnografi ini dianggap sebagai satu kajian penyelidikan sosial menurut Sabitha

Marican (2006). Umumnya definisi etnografi adalah suatu penjelasan mengenai maklumat yang dikumpulkan mengenai sesuatu budaya mahupun adat dan juga tingkah laku sesuatu komuniti itu. Namun demikian, penyelidikan etnografi ini adalah bentuk kajian kualitatif di mana ia menerangkan, menganalisis, dan menginterpretasi sesebuah perkongsian budaya dalam sesuatu masyarakat mahupun sesuatu kumpulan seperti tingkah laku, kepercayaan, bahasa, ekonomi, struktur politik, interaksi, kehidupan dan gaya dalam perhubungan (Creswell, 2005). Oleh itu, penyelidikan etnografi ini adalah sebagai satu gambaran kepada pengkaji untuk belajar dan memahami sesuatu budaya itu.

### **3.2 REKA BENTUK KAJIAN**

Bagi pengkaji, reka bentuk kajian merupakan pelan yang dirancang oleh pengkaji untuk menyiapkan kajian yang dilakukannya. Menurut Meriam (1994), perlaksanaan kaedah pendekatan kualitatif memenuhi jangkaan dan keperluan semua pihak kerana tidak menetapkan suatu prosedur piawaian yang banyak bergantung kepada tujuan konteks kajian. Kajian kualitatif boleh didefinisikan sebagai kaedah mencari dan memberi keterangan melibatkan beberapa kajian etnografi, sejarah, teori dasar, kajian kes dan fenomenologi (Taha et al., 2014). Kajian kualitatif adalah kajian berkaitan persoalan atau pernyataan, bukan hipotesis. Dalam kajian kualitaif ini, pengkaji akan menggunakan persoalan seperti, bagaimana, apa dan mengapa.

Pendekatan etnografi akan membantu dalam mengumpulkan maklumat yang akan menginterpretasi dan menganalisis bentuk perkongsian mengenai sejarah budaya sesuatu komuniti seperti tingkah laku individu ataupun masyarakat serta keadaan sosial dan sebab mengapa sesuatu tindakan itu berlaku (Jasmi, 2012). Metod yang digunakan bagi pengumpulan data ialah mengutamakan data primer dan data sekunder. Penganalisan data juga digunakan

bagi mendapatkan maklumat dan seterusnya menganalisis data-data tersebut. Untuk memenuhi penulisan kajian, pengkaji membuat rujukan secara meluas melalui bahan-bahan percetakan, jurnal, tesis dan internet. Pengkaji juga perlu melakukan kaedah temu bual bagi mendapatkan maklumat yang diingini mengikut objektif kajian. Data-data yang diperolehi akan diterapkan ke dalam kajian mengikut turutan dengan baik dan kemas.

### **3.3 UNIT ANALISIS**

Unit analisis merupakan komponen utama dalam sesebuah kajian. Unit analisis ini merupakan suatu permasalahan yang perlu dikaji. Selain itu, unit analisis ini merupakan objek yang ingin dikaji oleh seorang penyelidik mahupun pengkaji. Objek yang dapat dilihat dalam kajian adalah seperti patung, fungsi, kegunaan, manusia dan sebagainya. Bagi unit analisis ini, objek kajian tersebut merupakan perkara yang dikaji dan ia juga merupakan masalah dalam kajian yang dijalankan. Dalam kajian yang dijalankan oleh pengkaji ini, pengkaji telah memfokuskan tentang simbol dan fungsi kegunaan patung ukiran kayu kepada masyarakat Orang Asli Jah Hut di Kampung Kuala Terbol, Kuala Krau, Temerloh Pahang. Secara tidak langsung patung ukiran kayu serta simbol dan fungsi kegunaanya telah menjadi objek bagi permasalahan kajian yang dijalankan ini.

Unit analisis yang digunakan oleh pengkaji juga adalah berdasarkan lokasi kajian yang dipilih iaitu di Kampung Kuala Terbol, Temerloh Pahang. Pengkaji telah menfokuskan lokasi kajian tersebut adalah disebabkan masyarakat Orang Asli Jah Hut yang mahir dalam pembuatan warisan patung ukiran kayu ini. Menerusi perkara ini, patung ukiran kayu yang berada di lokasi ini dan di mana masyarakat mengetahui pembuatan dan sejarah objek tersebut. Selain itu, pengkaji juga menfokuskan kajian ini dengan melihat inividu yang berkait dengan objektif yang hendak dicapai oleh pengkaji iaitu masyarakat setempat di lokasi kajian tersebut.

iaitu seperti tukang pengukir kayu yang memainkan peranan penting dalam mengekalkan warisan tersebut. Oleh itu, tukang pengukir kayu, masyarakat setempat merupakan komponen utama di dalam unit analisis bagi kajian yang dijalankan ini.

### **3.4 KAEADAH KAJIAN**

Kaedah kajian perlu diambil kira untuk mencapai objektif kajian dalam penghasilan sesuatu penyelidikan (Jasmi, 2012). Kaedah yang digunakan adalah melaksanakan temu bual, rujukan laman sesawang dan sebagainya. Kajian ini mengenai sejarah, simbol dan fungsi kegunaan patung ukiran kayu pada Orang Asli Jah Hut. Oleh itu, pengkaji telah menggunakan beberapa kaedah untuk memenuhi keperluan kajian ini.

#### **3.4.1 KAEADAH KUALITATIF**

Penyelidik menggunakan kaedah kualitatif dalam kajian ini. Definisi kaedah kualitatif adalah memberikan keterangan mengenai sifat dan keadaan manusia dengan menggunakan pandangan umum tentang apa-apa sahaja tindakan sosial. Justeru itu, penyelidikan kualitatif tidak hanya tertumpu kearah pengutipan maklumat tetapi memperoleh maklumat yang berkualiti dengan memberikan tumpuan terhadap sampel yang lebih kecil (Jasmi, 2012).

### **3.5 TEKNIK PENGUMPULAN DATA**

Teknik pengumpulan data adalah kayu ukur kepada kejayaan sesebuah kajian dari dapatan hasil kajian sehingga kesimpulan akhirnya seajar dengan objektif yang digariskan di dalam kajian ini. Segala maklumat serta data-data yang sukar diperolehi mampu dicapai dengan

menggunakan kebijaksanaan serta ketelitian dalam pemilihan kaedah mahupun metod yang digunakan mengikut kesesuaian kajian. Data sumber dan data primer akan digunakan oleh pengkaji dan akan dianalisiskan dan diterapkan ke dalam penulisan kajian ini.

### **3.5.1 DATA PRIMER**

Bagi melengkapkan kajian mengenai simbol dan fungsi patung ukiran kayu Orang Asli Jah Hut di Kampung Kuala Terbol, Kuala Krau, Temerloh Pahang, pengkaji memilih mengumpul data melalui kaedah pengumpulan data primer. Data primer merupakan sumber data yang diperoleh daripada informan (Agusta, 2014).

Menurut Yusof (2003) data primer adalah data yang dikumpul bagi menjawab persoalan kajian. Data-data ini akan dikumpulkan melalui kaedah pemerhatian, temu bual dan sebagainya. Pengumpulan data yang dilakukan juga adalah dengan cara pengamatan langsung yang dilaksanakan di lokasi kajian (Prakoso, 2018). Data primer merujuk kepada data yang tidak tersedia di dalam fail mahupun laporan. Ini kerana data ini perlu dikumpulkan dari individu, kumpulan fokus ataupun melalui panel pakar (Hua, 2016).

#### **a. Temubual**

Kaedah tembual ini merupakan kaedah yang biasa digunakan dalam setiap kajian yang dijalankan. Kaedah ini adalah untuk mendapatkan maklumat daripada informan secara jelas dan teliti tentang permasalahan bagi kajian yang dijalankan. Oleh demikian pengkaji akan turun ke kajian lapangan bagi mendapatkan sesi temubual bersama informan. Hasil daripada kaedah temubual ini seperti bukti video, audio dan catatan lain akan disimpan bagi memastikan tiada sebarang maklumat yang tercicir.

Tujuan temubual adalah untuk mendapatkan maklum balas yang sah dan merekod dengan jitu dan sempurna berkaitan kajian yang dijalankan (Kechot, 2015). Pengkaji memperoleh data dan maklumat melalui sesi temu bual responden yang terdiri daripada penduduk Kg. Kuala Terbol, Temerloh Pahang. Kaedah temu bual mempunyai tiga kategori iaitu kategori pertama temu bual berstruktur, kategori kedua adalah temu bual semi berstruktur dan kategori ketiga adalah temu bual tidak berstruktur (Piaw, 2011). Bagi sesi temubual ini, pengkaji menggunakan kaedah semi berstruktur. Kaedah temu bual semi berstruktur ini dilaksanakan dengan menyediakan tema soalan sahaja, soalan susulan adalah berdasarkan kepada maklum balas responden (K. P. Malaysia, 2012). Semasa temu bual berlangsung, pengkaji menggunakan gajet bagi merakam perbualan dan dijadikan bahan bukti semasa pembentangan kajian serta memudahkan lagi proses pengumpulan maklumat atau data oleh pengkaji.

### **b. Pemerhatian**

Pemerhatian merupakan penglibatan pengkaji sendiri di lokasi kajian iaitu di Kampung Kuala Terbol. Data daripada hasil pemerhatian ini dapat membantu pengkaji mencapai kehendak objektif iaitu untuk mengetahui sejarah, simbol dan fungsi kegunaan patung ukiran kayu itu kepada masyarakat Orang Asli Jah Hut. Data yang diperoleh daripada pemerhatian yang dilakukan oleh pengkaji ini juga dapat mengukuhkan lagi dapatan kajian oleh kerana penyertaan pengkaji sendiri secara langsung di lokasi kajian tersebut.

Tempoh masa yang diambil oleh pengkaji bagi mengumpulkan data adalah selama lima bulan. Sepanjang tempoh tersebut pengkaji telah pergi ke lokasi sebanyak

lapan kali untuk mengumpulkan data dan semasa menjalankan kajian di lapangan, pengkaji juga berpeluang meluangkan masa dengan masyarakat orang asli selepas sesi temubual untuk mendapatkan data mengenai patung ukiran kayu Jah Hut ini. Kaedah pemerhatian yang digunakan oleh pengkaji pula ialah kaedah pemerhatian turut serta dan tidak turut serta di mana melalui kaedah ini pengkaji dapat memahami perlakuan mahupun tingkah laku masyarakat orang asli melalui perbualan mereka, kegiatan harian mereka dan juga dapat melihat kegunaan patung ukiran kayu dalam suku kaum Jah Hut. Oleh demikian, dengan cara ini pengkaji bukan sahaja mendapat maklumat mengenai masyarakat orang asli mahupun patung ukiran kayu tetapi dapat juga melihat sendiri aktiviti seharian mereka seperti aktiviti pertanian mahupun aktiviti yang dilakukan oleh mereka pada waktu petang.

### **3.5.2 DATA SEKUNDER**

Menurut Marican (2005) data sekunder merupakan data yang telah dikumpulkan oleh pengkaji lain. Contohnya data-data kajian lepas yang masih lagi relevan dikumpul untuk menjawab persoalan kajian untuk dikembangkan menjadi informasi mahupun formulasi baharu untuk kajian pada masa kini (Hua, 2016). Dalam kajian Simbol dan Fungsi Patung Ukiran Kayu Orang Asli Jah Hut ini pengkaji menggunakan data sekunder seperti dokumen awam yang terdiri daripada jurnal, tersis, buku atas talian dan keratan akhbar yang mengenai dengan masyarakat Orang Asli Jah Hut. Pengkaji akan mengakses semua sumber berikut melalui atas talian sahaja tanpa mengunjungi mana-mana perpustakaan awam dan penggunaan bahan bercetak bagi mengelakkan penularan wabak Covid-19 yang sedang membimbangkan negara kita.

### a. Sumber Internet

Sumber internet adalah satu sumber yang mudah diperolehi dan digunakan untuk melakukan sebarang kajian oleh penyelidik. Pengkaji telah menggunakan sumber internet untuk mencari pelbagai maklumat yang agak sukar untuk diperolehi melalui sumber-sumber yang lain di dalam kajian ini. Maklumat mengenai sejarah budaya mahupun seni patung ukiran kayu dan sebagainya mampu diperolehi di laman-laman web dan blog di carian Google. Antara laman-laman web yang mudah diakses untuk mendapatkan maklumat yang berkaitan kajian adalah seperti *Google Scholar*, *Academia*, *Research Gate* dan sebagainya, Kebanyakan dari maklumat yang diperolehi melalui carian Google tersebut mempunyai rujukan dan maklumat yang sahih dari para penulisnya.

### b. Jurnal

Sebahagian maklumat daripada jurnal telah berjaya dijumpai oleh pengkaji untuk digunakan sebagai rujukan bagi menyiapkan kajian ini. Jurnal menjadi salah satu sumber yang bermanfaat kerana isi kandungannya yang mampu menambah idea dan menjadi penanda aras kepada matlamat pengkaji dalam kajian yang dilakukannya.

### c. Surat Khabar atas Talian

Pengkaji juga turut memperolehi maklumat melalui surat khabar atas talian yang ditemui melalui carian internet. Halaman-halaman sosial tersebut dijadikan sebagai asas kepada kesahihan dan ketulenan maklumat-maklumat berkaitan kajian ini dalam prospek yang lebih luas. Melalui sumber tersebut, segala data berkaitan dengan patung ukiran kayu boleh diambil dan diterapkan ke dalam penulisan kajian. Carian internet ini mengandungi rangkaian yang melepassi sempadan dunia dan terdapat pelbagai data serta maklumat berkaitan kajian ini yang diyakini mampu membantu pengkaji untuk menghasilkan sebuah kajian yang berkualiti dan bermanfaat di kemudian hari.

#### d. Buku

Pengkaji menggunakan rujukan di perpustakaan bagi mendapatkan maklumat berkaitan kajian yang bakal dilaksanakan. Sumber-sumber ilmiah ini membantu pengkaji untuk mengembangkan idea dengan lebih baik supaya kajian yang dilakukannya berkualiti. Ini kerana, intipati yang diperlukan di dalam buku sesuai digunakan untuk menyiapkan kajian ini.

#### e. Tesis

Pengkaji juga turut menggunakan tesis berkaitan Seni Patung Ukiran Kayu untuk dijadikan sebagai rujukan di dalam kajian ini. Terdapat juga tesis-tesis yang menjadi pilihan yang terbaik bagi membantu meluaskan perkembangan idea dalam menjayakan kajian ini.

### 3.6 PENSAMPELAN

Pensampelan merupakan aspek penting dalam kajian kerana ia menentukan kesahan, kebolehpercayaan dan kuantiti hasil kajian. Sampel dalam kajian ini akan ditentukan selepas melihat sejauhmana data yang diperolehi dapat menjawab persoalan dan objektif kajian. Menurut Mugo Fridah W, pensampelan adalah tindakan, proses, atau teknik memilih sampel yang sesuai, atau bahagian yang mewakili populasi untuk tujuan menentukan parameter atau ciri keseluruhan populasi (Lindquist, 1940). Pengkaji akan menggunakan kaedah pensampelan bukan keberangkalian bola salji atau dikenali sebagai *snowball sampling* iaitu teknik pensampelan bukan keberangkalian yang digunakan untuk mengenalpasti subjek yang berpotensi dalam kajian. Kaedah ini dipilih kerana bersesuaian dengan kehadiran wabak Covid-19 yang telah membataskan pergerakan pengkaji untuk mendapatkan informan yang ramai.

Pensampelan bukan keberangkalian bola salji adalah merujuk kepada responden kajian yang diminta untuk mencadangkan subjek lain yang mempunyai kriteria-kriteria yang

bersesuaian dengan kajian. Teknik persampelan bebola salji atau *snowball sampling* ini diguna pakai apabila senarai nama subjek yang tidak susah untuk diperolehi oleh pengkaji. Teknik ini memerlukan kriteria-kriteria yang bersesuaian untuk dikaji melalui *gatekeeper*. Dalam kajian ini *gatekeeper* yang dipilih adalah Intan Sazima A/P Sarip merupakan anak jati masyarakat Orang Asli Jah Hut yang menetap di Kampung Kuala Terbol, Kuala Krau Temerloh Pahang. Kampung Kuala Terbol dipilih kerana masih lagi ada individu yang menghasilkan patung ukiran kayu Jah Hut terutamanya untuk digunakan dalam perubatan tradisional mahupun perhiasan. *Gatekeeper* adalah merupakan individu pertama yang akan ditemui oleh pengkaji dalam proses temu bual dan daripada *gatekeeper* ini informan lain dapat ditemui.

Peranan *gatekeeper* dalam penyelidikan ini adalah sebagai pencadang informan dimana *gatekeeper* akan mencadangkan informan yang lain yang memenuhi kriteria-kriteria yang bersesuaian dengan kajian. Oleh itu, pengkaji telah menemubual lapan responden dan pengkaji telah berhenti menemubual responden yang ke lapan kerana maklumat dan data yang diperolehi melalui lapan responden tadi telah menjadi tepu serta telah menjawab ketiga-tiga objektif kajian ini.


Secara ringkasnya, kaedah bola salji yang digunakan ini untuk pengkaji mengenalpasti informan atau responden yang akan ditemu bual dan informan atau subjek tersebut akan menyerahkan atau memperkenalkan kepada subjek lain yang lebih arif berkenaan dengan kajian yang dilaksanakan

### 3.8 ANALISIS DATA

Analisis data adalah proses mencari dan mengatur transkrip wawancara, nota lapangan, dan bahan lain yang anda kumpulkan secara sistematik untuk meningkatkan pemahaman anda sendiri tentangnya dan untuk membolehkan anda menyampaikan apa yang

telah anda temukan kepada orang lain (Rijali, 2019). Teknik bagi menganalisis ialah di mana pengkaji memerlukan susunan data yang betul dan lengkap supaya di akhir kajian dapat menjadi bukti yang kukuh. Pengkaji akan menggunakan kaedah analisis tematik.

Analisis tematik merupakan salah satu kaedah menganalisis data untuk mengesan identiti pola bagi menemui tema melalui data yang dikumpulkan (Braun, 2016). Analisis tematik merupakan kaedah yang sangat efektif apabila sebuah penelitian terperinci dilakukan terhadap data-data kualitatif bagi menjelaskan sejauhmana sebuah fenomena boleh terjadi melalui pemerhatian pengkaji (Frereday, & Cochrane, 2006).



Rajah 3.4: Carta Alir Proses Analisis Data

Sumber: Kajian Lepas (2019)

Rajah 3.4 menunjukkan proses yang perlu dilalui untuk menganalisis data. Langkah yang pertama adalah melakukan proses transkripsi. Proses transkripsi adalah pengalihan struktur bunyi dari alatan rakaman suara atau audio ke dalam bentuk penulisan ayat. Pengkaji akan menyusun dan menulis semula perkara yang disampaikan di dalam rakaman audio yang dimainkan semula agar maklumat yang dikumpul lebih tersusun dan mudah difahami. Rakaman suara menggunakan telefon pintar adalah cara yang paling berkesan dan mudah bagi

pengkaji untuk menggunakan supaya rakaman suara responden dapat disimpan dan ditranskrip ke dalam bentuk penulisan. Telefon pintar merupakan alatan yang sangat diperlukan bagi mengelakkan ketinggalan maklumat yang merugikan untuk dikumpul oleh pengkaji.

Langkah yang seterusnya, pengkaji akan membaca semula hasil penulisan dari sumber pengumpulan maklumat tadi bagi memastikan tahap kerelevan dan kesinambungan dalam kajian mengenai patung ukiran kayu Orang Asli Jah Hut ini. Pembacaan semula maklumat merupakan proses yang sangat penting bagi memastikan tiada kesalahan mahupun ketidakjelasan pernyataan maklumat kajian. Pembacaan dengan teliti perlu dilakukan agar pengkaji dapat mengetengahkan maklumat yang penting di dalam kajian. Proses ini penting bagi pengkaji untuk melihat, memahami dan menganalisis isi yang penting untuk dijadikan sebagai landasan kepada matlamat kajian yang ingin dicapai.

Akhir sekali, adalah melakukan proses triangulasi di mana mengabungkan sumber data, tenaga pengkaji, teori yang digunakan serta teknik metodologi kajian yang digunakan sepanjang proses kajian ini dilakukan. Setiap perkara mempunyai kaitan bagi memastikan kesesuaian dan ketulenan kajian yang dilakukan. Data yang diperolehi akan digabungkan menjadi maklumat yang lengkap hasil daripada sesi temu ramah, soal selidik, dan maklumat daripada sumber sukender seperti sumber internet, surat khabar online, buku, jurnal dan juga tesis.

Setiap maklumat yang diperolehi akan memperngaruhi keputusan akhir kajian samada ianya mencapai objektif yang digariskan oleh pengkaji ataupun tidak. Impian setiap pengkaji adalah untuk mencapai sasaran objetif dengan baik agar apa yang mereka lakukan itu bukanlah perkara yang sia-sia dan bangga dengan hasil penulisannya sendiri. Analisis data merupakan rangka penghasilan kajian yang perlu dilakukan dengan teratur mengikut teknik

yang betul bagi mengelakkan kesilapan yang tidak diingini berlaku sepanjang proses kajian dilakukan.

### **3.8 PENUTUP**

Tuntasnya, di bahagian ini menerangkan bahawa metodologi kajian menjadi keutamaan yang pertama supaya pengkaji dapat mengumpulkan maklumat dengan terperinci dan betul supaya hasil penulisan kajian lengkap dan mencapai matlamat pengkaji. Teknik pengumpulan kajian serta cara untuk menganalisis data perlu dititikberatkan untuk memastikan pencarian maklumat yang berkaitan serta pembahagian data dapat dilakukan secara terperinci. Melalui kaedah sebegini akan dapat membantu pengkaji untuk lebih memahami tujuan kajian yang dikaji.

UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN

## BAB EMPAT

### DAPATAN KAJIAN

#### 4.0 Pengenalan

Bahagian ini membincangkan tentang hasil dapatan kajian yang diperolehi oleh pengkaji sewaktu proses pengumpulan data yang dilakukan terhadap para responden yang terlibat. Segala maklumat tersebut adalah data-data yang dikumpul secara telus melalui proses temuramah. Dapatan kajian ini mengandungi maklumat dan data yang lengkap berkenaan Simbol dan Fungsi Patung Ukiran Kayu Orang Asli Jah Hut Di Kg Kuala Terbol, Kuala Krau, Temerloh Pahang. Kajian ini juga akan menjawab persoalan dan objektif kajian yang dikemukakan pada bab 1 iaitu di mana ingin mengetahui sejarah patung ukiran kayu, untuk mengenalpasti simbolik patung ukiran kayu, dan untuk mengkaji penggunaan patung ukiran kayu pada suku kaum Jah Hut. Sehubungan dengan itu, pengkaji telah menjalankan kajian lapangan secara temubual bersama lapan informan yang terdiri daripada penduduk Kampung Kuala Terbol dan juga analisis daripada kajian lepas.

#### 4.1 Latar Belakang Informan

Bahagian ini mengandungi data-data berkaitan latar belakang sosio demografi para informan yang terlibat untuk melengkapkan kajian ini. Ianya diperolehi berdasarkan soalan yang telah dijawab oleh para informan di Kampung Kuala Terbol, Kuala Krau Temerloh Pahang melalui sesi temubual yang dijalankan oleh pengkaji. Maklumat-maklumat tersebut adalah berhubung dengan nama, umur, jantina, tempat tinggal, dan pekerjaan para informan yang terlibat telah dijadualkan seperti yang ditunjukkan di bawah.

SOALAN	INFORMAN 1	INFORMAN 2	INFORMAN 3	INFORMAN 4
<b>Nama</b>	Halim @ Tunggum Bin Pitong	Amin A/L Pitong	Samad Bin Dua	Hisham A/L Boas
<b>Umur</b>	61 Tahun	44 Tahun	54 Tahun	43 Tahun
<b>Jantina</b>	Lelaki	Lelaki	Lelaki	Lelaki
<b>Status Sosial</b>	Berkahwin	Berkahwin	Berkahwin	Berkahwin
<b>Tempat Tinggal</b>	Penduduk asal Kg. Kuala Terbol	Penduduk asal Kg. Kuala Terbol	Penduduk asal Kg. Kuala Terbol	Penduduk asal Kg. Kuala Terbol
<b>Pekerjaan</b>	Tukang pengukir kayu / menoreh getah/ pekerjaan kampung	Tok Batin / Ketua Kampung	Tok Mudim / Pekerjaan kampung	Tukang pendukir kayu / pekerjaan kampung

Jadual 4.1: Latar Belakang Informan Kajian

Sumber: (Kajian Lapangan 2021)

Berdasarkan jadual 4.1, dapatan kajian menunjukkan bahawa seramai empat orang informan yang terdiri daripada golongan lelaki, dua merupakan tukang pengukir kayu yang mempunyai kefahaman dan pengetahuan mendalam mengenai patung ukiran kayu Orang Asli Jah Hut. Manakala, dua lagi wakil informan dari penduduk kampung iaitu Tok Batin yang memainkan peranannya sebagai Ketua Kampung dan seorang lagi berperanan sebagai Tok Mudim yang mempunyai pengetahuan serba sedikit mengenai pemahaman simbolik patung ukiran kayu Jah Hut.

<b>SOALAN</b>	<b>INFORMAN 5</b>	<b>INFORMAN 6</b>	<b>INFORMAN 7</b>	<b>INFORMAN 8</b>
<b>Nama</b>	Sarina Binti Muhammad	Intan Sazima A/P Sarip	Rosita A/ P Samad	Sarimah Binti Bani
<b>Umur</b>	36 Tahun	23 Tahun	34 Tahun	68 Tahun
<b>Jantina</b>	Perempuan	Perempuan	Perempuan	Perempuan
<b>Status Sosial</b>	Berkahwin	Bujang	Berkahwin	Berkahwin
<b>Tempat Tinggal</b>	Penduduk asal Kg. Kuala Terbol			
<b>Pekerjaan</b>	Pembantu Cikgu Tadika	Pelajar Sepenuh Masa	Suri Rumah	Tukang Pengukir Kayu / Menoreh Getah.

Jadual 4.1.2: Latar Belakang Informan Kajian

Sumber: (Kajian Lapangan 2021)

Jadual 4.1.2 menunjukkan bahawa seramai empat informan lagi yang terdiri daripada golongan wanita. Seorang informan wakil daripada golongan wanita yang juga mempunyai pengetahuan dan kemahiran yang mendalam mengenai patung ukiran kayu Jah Hut. Manakala,

tiga lagi informan wakil daripada generasi muda, yang akan menjawab persoalan mengenai kenapa generasi muda pada masa kini tidak berminat untuk mewarisi kemahiran kraftangan kaum mereka dan menyuarakan pendapat dan cadangan mereka mengenai kesinambungan warisan patung ukiran kayu Jah hut dalam kaum mereka.

Secara keseluruhan, berdasarkan jadual 4.1 dan 4.1.2 tersebut kita dapat melihat bahawa kemahiran mengukir patung ukiran kayu ini dipelopori oleh golongan yang berusia manakala dari segi jantina ia dipelopori oleh kaum lelaki berbanding kaum wanita. Kita juga dapat melihat bahawa pekerjaan mengukir patung ukiran kayu ini hanya dijadikan sebagai kerja sampingan kerana mereka juga mempunyai pekerjaan yang lain bagi menampung kehidupan mereka. Ini jelas menunjukkan bahawa ia juga dapat mempengaruhi komitmen mereka dalam melestarikan warisan patung ukiran kayu ini.

#### **4.2 Sejarah Patung Ukiran Kayu dalam Suku Kaum Jah Hut**

Kemunculan ukiran kayu Jah Hut di persada seni Malaysia pada awal tahun 1960 bukan sahaja menimbulkan keterujaan, kejutan dan pengiktirafan terhadap ekspresi artistik dan orang asli. Walau bagaimanpun, kewujudan ukiran kayu Jah Hut pada ketika itu, telah menimbulkan keraguan dan kritikan terhadap seni ukiran tersebut, di mana ada yang mempersoalkan keaslian ukiran kayu yang dihasilkan oleh mereka, kerana ada yang mengatakan bahawa ukiran kayu yang dihasilkan oleh mereka adalah salinan dari budaya masyarakat lain kerana tiada kejelasan kajian atau maklumat mengenai patung ukiran kayu Jah Hut ini pada ketika itu (Werner, 1997).

Hasil daripada temubual yang telah dilakukan oleh pengkaji terhadap informan dari penduduk Kampung Kuala Terbol berkaitan dengan Simbol dan Fungsi Patung Ukiran Kayu Jah Hut ini telah menjawab objektif pertama yang telah dikemukakan oleh pengkaji dalam kajian

yang dilakukan. Menurut Sani dan Arif (2021), penghasilan patung ukiran kayu dalam kehidupan masyarakat suku kaum Jah Hut ini sangat mempengaruhi kehidupan harian mereka. Di mana mereka merupakan pengamal anismisme dan mereka percaya setiap apa yang ada di sekeliling mereka mempunyai roh dan semangat di dalam benda tersebut. Disebabkan oleh, penempatan mereka di pendalaman jadi mereka bergantung harap ataupun meminta pertolongan dari roh ataupun hantu bagi memudahkan kehidupan sehari-hari mereka . (Abdullah Sani & Abd Arif, 2021).

Menurut informan lapan dari penduduk Kampung Kuala Terbol yang mempunyai pengetahuan yang mendalam mengenai patung ukiran kayu Jah Hut ini menjelaskan permulaan patung ukiran kayu ini di mana kedatangan pelancong asing yang datang ke kampung mereka meminta mereka menghasilkan patung ukiran kayu yang saiznya besar dari yang asal. Pada mulanya, kewujudan patung ukiran kayu Jah Hut ini adalah hanya untuk perubatan sahaja dan mereka menggelarkannya “*Sepilih*”.

Dulu ada orang putih datang sini, masa saya dekat kg koi lah, ini ayah saya cerita lah, masa tu saya kecil lagi, dia nampak sepilih tu bawah pokok tanya ‘*apa dia?*’ atok saya bagitahu lah itu ‘*sepilih untuk kegunaan peruabatan*’, lepas tu dia tanya atok saya boleh ke kalau patung sepilih tadi buat besar-besar, pada mulanya macam pelik lah, tak de buat lagi, pastu orang putih tu macam mintak lagi, jadi atok saya cuba buat lah dengan kawan-kawan dia yang lain yang buat sepilih ni, lama lama jadi lah untuk jual, dulu-dulu memang ramai orang mintak dari zaman atok saya, turun pada ayah saya sampailah saya memang ramai orang datang sini untuk mintak patung tu.....

(I8, 24 November, Kajian Lapangan 2021)

Kenyataan yang diberikan oleh informan itu telah disokong oleh kajian lepas di mana menurut Sani dan Arif (2021), patung ukiran kayu Jah Hut ini mula mendapat perhatian pelancong pada ketika dahulu serta mendapat permintaan yang tinggi. Bukan itu sahaja,

masyarakat orang asli Jah Hut juga mula ada menerima tempahan dari jabatan-jabatan dan agensi-agensi kerajaan untuk dijadikan sebagai pameran pada ketika dahulu.

Pada permulaannya, patung ukiran kayu ini bermula daripada patung bagi upacara perubatan suku kaum Jah Hut, dan mereka menggelarkannya patung ‘*Sepilih*’. Menurut Roland Werner (1997) dalam bukunya yang bertajuk *Culture and Jah Het of Malaysia Art of Culture* untuk pengumpulan, analisis dan klasifikasi ratusan roh bukanlah satu tugas yang mudah dalam awal penyelidikannya. Hasil daripada kajiannya, ‘*Sepilih*’ digunakan bagi tujuan perubatan dalam upacara Beni Soy yang diketuai oleh Puyang (Bomoh) di mana Puyang memberikan arahan untuk menyiapkan ‘*sepilih*’ secepat mungkin, maka hasilnya tidak kemas mahupun cantik. ‘*Sepilih*’ ini boleh dikatakan bahaya kerana ia melibatkan alam ghaib dan tidak sepatutnya untuk kita memahami kewujudan asal roh ataupun hantu yang ada di dalam ‘*Sepilih*’ tadi. Menurut informan satu saiz ‘*Sepilih*’ hanyalah sebesar jari kita sahaja, saiznya yang kecil dan reka bentuknya yang menyerupai bentuk haiwan, lidah yang panjang, gigi yang besar dan sebagainya lagi.

Dia dulu asal tu, dia macam saya tadi tu lah..saya macam apa orang kata itu “*Sepilih*” (*Patung kecil yang digunakan untuk perubatan*). Macam-macam jenis gambar gambar lar, gambar belalang ke, itular yang mula mula tu, saiznya kecil saja, sebesar jari kita saja....

(I1, 17 November, Kajian Lapangan 2021)



Gambar 4.2: Contoh “Sepilih” yang digunakan dalam perubatan  
Beni soy

Sumber: (Kajian Lapangan 2021)

Kemahiran dalam menghasilkan patung ukiran kayu ini bukan sahaja dalam kalangan kaum Jah Hut, tetapi kaum Mah Meri juga mempunyai kemahiran yang sama seperti kaum Jah Hut, tetapi yang membezakan di antara dua kaum ini, kaum Jah Hut kurang dikenali berbanding kaum Mah Meri kerana mereka pandai mengkomersialkan kemahiran mereka dan mengikuti perkembangan semasa. Menurut informan satu dia menyatakan bahawa kaum mah meri ini kemahiran dia lagi bagus berbanding kaum Jah Hut dan mereka mengikuti perkembangan semasa dan ini juga telah disokong dalam kajian lepas di mana kaum Jah hut sememangnya kurang dikenali berbanding kaum Mah Meri kerana mereka lebih menonjol dan pandai menggunakan peluang yang ada (Sani & Arif 2021).

Setahu saya adalah Semaq Beri. Itu je lar yang kami tahu. Jah Hut dengan Semaq Beri, tapi mereka lagi pandai lah, diaorang guna teknologi sekarang dah nak buat patung pakai mesin, jadi lagi cantik kemas lah dia punya...nak dibandingkan dengan saya.....

(I1, 17 November, Kajian Lapangan 2021)

Selain itu, kemahiran kraftangan patung ukiran kayu tidak hanya dikuasai oleh lelaki tetapi juga golongan wanita. Golongan wanita sering dikaitkan dengan kraftangan seperti tikar mengkuang, bakul, dan sebagainya lagi. Hal ini dapat dibuktikan melalui temubual yang dijalankan bersama informan lapan yang cukup berpengetahuan dalam pengukiran patung kaum Jah Hut dan juga mempunyai pengetahuan yang cukup jelas mengenai upacara Beni Soy. Menurut informan satu di kampung Kuala Terbol ini mempunyai seorang tukang pengukir wanita yang cukup berkemahiran dalam bidang pengukiran ini juga. Hal ini menunjukkan bahawa kemahiran mengukir patung ini tidak tertumpu kepada kaum lelaki tetapi juga kaum wanita.

Dua dua boleh, perempuan pun ada dalam kg ni, “Ya Adak” nama dia. Dia lagi hebatlah dari saya buat patung-patung ni, saya biasa biasa je..dia isteri kepada Puyang(Bomoh).

(I1, 17 November, Kajian Lapangan 2021)

Berdasarkan sesi temubual yang dijalankan terhadap informan pengkaji mendapati bahawa mereka mempelajari kemahiran mereka melalui kaedah pemerhatian sahaja. Di mana mereka dibesarkan di dalam ahli keluarga yang mempunyai kemahiran dalam menghasilkan pelbagai kraftangan yang lain juga. Untuk mempelajari sesuatu kemahiran kraftangan itu, perlu mempunyai minat yang mendalam kerana untuk mahir menghasilkan sesebuah patung itu mengambil masa begitu lama dan agak rumit prosesnya. Oleh itu kita dapat melihat bahawa

mereka yang mempunyai kemahiran dalam menghasilkan ukiran kayu ini tidak mempunyai pendidikan yang formal di mana mereka belajar dari kaedah pemerhatian dan warisan keluarga mereka sahaja.

Uhhh banyak tahun dah, belajar buat sendiri lah, dari tengok je macam tu, ayah saya, suami saya, abang saya, pastu saya buat lah...

(I8, 24 November Kajian Lapangan 2021)

Seterusnya, bahan utama yang diperlukan bagi menghasilkan patung ukiran kayu ini adalah kayu yang boleh didapati di dalam hutan. Disebabkan penempatan masyarakat orang asli ini di bahagian pendalaman, sumber untuk mendapatkan kayu itu mudah dan boleh didapati di dalam hutan berhampiran. Antara kayu yang sering digunakan oleh tukang pengukir kayu adalah, kayu merbau, kayu pulai, dan kayu rengas. Perbezaan di antara kayu tersebut adalah samada mudah dilentur ataupun keras, kerana kayu merbau sifatnya keras dan senang untuk mengukir kepada bentuk yang kita mahukan. Manakala, kayu rengas dan kayu pulai sifatnya lembut dan perlu berhati-hati ketika membuatnya supaya kayu tersebut tidak akan mudah pecah.

Cari kayu lah, kayu merbau, dengan kayu rengas. Kalau kayu rengas tu susah sikit, kalau kayu rengas ni ada corak sikit lar dalam kayu dia, dia ada macam cantik lar urat kayu dia tu, kayu rengas ni warna dia merah sikit, kalau rengas dia lembut sikit, kalau merbau dia keras, rengas ni kalau dia buat tu kena lembut lar nanti kayu dia pecah, kalau takt ahu cara tu memang tak jadi lah, merbau tak pe dia memang keras...

(I4, 21 November Kajian Lapangan 2021)

Selain itu, peralatan yang digunakan oleh tukang pengukir kayu adalah seperti pahat kuku yang bertujuan untuk menebuk lubang pada kayu tersebut, kertas pasir dari gred 1 sehingga gred 32 digunakan untuk melicinkan permukaan patung, pahat kecik adalah untuk

membuat bentuk pada patung, beliung ataupun gergaji untuk menebang kayu pada pokok, dan minyak syelek untuk bagi patung tersebut tahan lama dan cantik.

Ini lama dah saya tak guna ni, banyak lagi alat-alatnya. Ini alat alat yang saya guna dari zaman muda-muda lagi, dah banyak yang karat, pahat Kuku untuk tebuk lubang, kertas Pasir untuk menlicinkan permukaan patung tu, pahat kecik untuk buat bentuk dekat patung tu, beliung/gergaji untuk tebang kayu pokok tu untuk hasilkan patung. Akhir sekali pencuci/syelek untuk menghaluskan lagi permukaan patung untuk nampak cantik....

(I1, 17 November Kajian Lapangan 2021)

No.	Nama Peralatan	Gambar
1.	Pahat Kuku	
2.	Kertas Pasir	
3.	Pahat Kecik	

			
4.	Beliung		
5.	Minyak Syelek		
6.	Pisau Raut		

Jadual 4.2.1: Senarai peralatan yang digunakan untuk membuat patung ukiran kayu.

Sumber: Kajian Lapangan, 2021

Tetapi berbeza pula dengan patung ‘Sepilih’ di mana tukang pengukir hanya menggunakan pisau lipat ataupun pisau raut kerana saiznya yang kecil dan tidak memerlukan kekemasan padanya. Ini kerana, menurut Roland Werner (1997), untuk menghasilkan kekemasan pada “sepilih” itu hanyalah satu kerugian dan membuang masa kerana patung “sepilih” itu digunakan sebagai satu medium atau objek untuk mengalihkan roh jahat dari badan pesakit itu ke dalam patung tersebut dan akan dibuang ke dalam hutan. Oleh itu, patung “sepilih” itu tidak memerlukan kekemasan yang cantik kerana tujuannya hanyalah untuk kegunaan dalam perubatan tradisional sahaja.

Hah ni peralatan saya guna , sepilih (pakai pisau raut), pahat kuku (untuk korek-korek bahagian dalam), kertas asir (gred 1 gred 32) (Utk haluskan permukaan patung), minyak Syelek (Utk bagi dia tahan lama, supaya tidak rosak), pahat Biasa (Ni kita buat utk buat muka ke).....

(I4, 21 November Kajian Lapangan 2021)

Proses ataupun teknik yang digunakan dalam menghasilkan patung ukiran kayu Jah Hut ini tidak dapat diterangkan secara terperinci melalui temubual tidak berstruktur yang dijalankan bersama informan mahupun kajian lepas. Ini kerana, ia memerlukan pengamatan yang begitu terperinci untuk pengkaji melihat bagaimana sesebuah patung itu dihasilkan. Melalui perceritaan yang dikongsikan informan, mereka tidak menjelaskan secara terperinci kerana mereka juga belajar melalui pemerhatian sahaja. Tiada nama khas yang khusus untuk teknik yang digunakan oleh tukang pengukir kayu tersebut. Ini kerana, pada asalnya patung tersebut hanyalah untuk kegunaan perubatan sahaja dan bentuk yang dihasilkan itu adalah diinspirasikan daripada patung ‘sepilih’.

Ahhh macam macam lar..apa tu macam..apa ni, nak cuci dia punya tu.. nak bag licin patung tu..apa tuu saya lupa nama dia..macam kertas pasir tu..kena gosok-gosok kay tu bagi licin. Lain tu macam ketam ketam kayu tu lar, Dia bentuk tu macam-macam, nak buat bentuk haiwan tu pun boleh, nak buat bentuk hantu-hantu tu pun boleh.....

(I1, 17 November Kajian Lapangan 2021)

Berdasarkan maklumat yang diperolehi, masa yang diperlukan untuk mahir dalam mengukir patung ukiran kayu adalah selama setahun lebih termasuk untuk memahami simbolik disebalik patung ‘sepilih’. Memerlukan kesabaran yang sangat tinggi untuk belajar, dan jika minat dalam diri seseorang itu sangat tinggi maka individu tersebut akan mahir mengukir patung ukiran kayu kaum Jah Hut. Jika seseorang itu sudah mahir, ia akan mengambil masa selama dua minggu sahaja untuk menyiapkan bergantung kepada saiz dan reka bentuk patung tersebut. Jika pelanggan meminta saiz yang lebih besar dan reka bentuk yang rumit ia memerlukan masa yang lebih lama untuk siapkan sepenuhnya. Menurut informan yang ditemubual di Kampung Kuala Terbol melalui soalan yang diajukan kepada informan.

Ermm setahun lebih jugak lah, termasuk lah sepilih tadi, kita balik menoreh kita belajar buat dia tu. Jadi tak jadi kita buat je lah. Kadang kadang tak jadi muka, kita korek tak jadi kita buang lah. Nak kena sabar lah, kalau kasar kasar tu tak jadi lah, macam sekolah jugak, belajar perlahan-lahan macam tu. Kalau marah-marah tak jadi apa lah....Kalau kita buat mula-mula tu, kita buat separuh, kita berhenti, kita makan dulu, kita tidur dulu, dah okay, kita sambung balik. Itu masa mula mula saya buat, kalau sekarang saya terus buat je, kalau sekarang ni, dalam 2 minggu dah siap dah, siap siap semua lah termasuk syelek betul-betul kilat lah saya buat.

(I4, 21 November, Kajian Lapangan 2021)

#### **4.3 Simbolik Patung Ukiran Kayu Jah Hut.**

Menurut Roland Werner (1986), dalam bukunya yang bertajuk *Bomoh-Poyang: Traditional Medicine and Ceremonial Art of the Aborigines of Malaysia*. Mengatakan bahawa orang asli ini mempunyai kepercayaan yang sangat tinggi dan mempunyai kemampuan yang luar biasa di mana mampu mencegah dan mengubati penyakit. Patung ukiran kayu yang dihasilkan oleh mereka melambangkan kepercayaan dan pandangan mereka kepada alam ghaib dan sistem ketuhanan yang mereka anuti (Sani, 2016). Oleh itu, patung ‘sepilih’ dikatakan mempunyai makna simbolik disebalik patung tersebut kerana konsep simbol adalah sesuatu perkara yang mempunyai makna yang tersembunyi, gambaran kepada sesuatu perkara dan mewakili elemen-elemen ghaib (Melinda, 2015).

Selain itu, menurut Adisukma (2019), simbol merupakan sarana yang akan menyimpan atau mengungkapkan makna-makna atau kepercayaan masyarakat itu ke dalam bentuk objek seperti patung ukiran kayu. Jadi kepercayaan masyarakat Jah Hut adalah di mana reka bentuk patung ‘sepilih’ itu adalah mewakili kepada ‘Bes’. ‘Bes’ ini merupakan roh sebenar yang tidak dihantar oleh manusia, tempat asalnya adalah di dalam hutan dan ‘Bes’ ini berbahaya dan boleh mendatangkan penyakit (Werner, 1997). Oleh itu, masyarakat kaum Jah Hut percaya bila ada di kalangan mereka jatuh sakit puncanya adalah dari ‘bes’ tersebut dan ‘Sepilih’ itu menjadi perantaraan pengalihan penyakit ‘Bes’ tadi ke dalam patung ‘Sepilih’ dan dihantar jauh ke dalam hutan. Menurut informan tiga penduduk Kampung Kuala Terbol.

Patung “Sepilih” ini lah yang sebagai hantu setan lar ni, hantu setan ni yang menjelma nak makan pada kita ni. Eh kadang kadang kita tegur, burung benda tu dah sakit kepala, Kita tahu lar orangnya, benda yang makan dekat kita tu, kita semua tahu, itu lar tu, diaorg apa yang hantu ni “Bes Hyang Dney” macam tu lah.

(I3, 17 November, Kajian Lapangan 2021)

Untuk menghasilkan patung ‘Sepilih’ bagi upacara Beni Soy, puyang atau bomoh perlu mengenalpasti dahulu jenis ‘bes’ apa yang ada di dalam badan pesakit. Jelaslah bahawa, puyang ini yang akan menghubungkan diantara alam realiti dan alam ghaib. Bomoh atau lebih dikenali sebagai Puyang dalam masyarakat orang Jah Hut merupakan ahli perubatan tradisional yang mempunyai kawalan ke atas semua kuasa jahat di mana dia dapat memberitahu masa depan, memberi amaran, dan berhati-hati terhadap segala kemungkinan perkara buruk yang akan berlaku. Menurut informan empat, untuk menghasilkan patung ‘sepilih’ dia perlu menunggu arahan daripada puyang patung ‘sepilih’ apa yang perlu diukirnya untuk digunakan dalam upacara Beni Soy.

tanya tok bomoh tu tadi apa sepilih yang nak kena buat nanti, nanti tukang pengukir kayu buat lah apa yang tok bomoh bagitahu tadi.

(I4, 17 November, Kajian Lapangan 2021)

Selain itu, dalam sesebuah kampung tiada had bilangan untuk menjadi seorang puyang, boleh lebih daripada satu tetapi jika mahu menjadi puyang perlu mengetahui dan memahami banyak rahsia alam ghaib yang perlu dipelajari daripada guru puyang kerana bukan sembarang orang boleh jadi puyang kerana ia melibatkan nyawa seseorang (Werner,1997). Menurut informan tiga untuk menjadi puyang bukanlah sesuatu perkara yang mudah kerana ia melibatkan nyawa manusia dan jika salah cara ataupun langkah, nyawa seseorang akan tergadai dan melalui pemerhatian pengkaji generasi muda tidak berminat untuk menjadi seorang bomoh kerana ada yang takut dan tidak mahu memahami alam ghaib tersebut dan mereka lebih cenderung untuk keluar daripada kampung mereka untuk mencari peluang pekerjaan yang lain.

Bila tak de lar jampi dia habis, bukan sebarang orang boleh jadi bomoh, tok mudin ke, perlu fikir banyak banyak kerana ia melibakan nyawa, melibatkan apa yang kita tak nampak, kena hati hati dengan apa yang kita buat, kalau salah langkah habislah kita, boleh mati. Roh hantu setan jangan buat main-main, nak menuntut ilmu jadi bomoh ambik masa yang lama, kena bertapa, kena belajar semua tu. Bukan main main. Sebab tu kalau nak jadi bomoh kena tanya dulu isteri ahli keluarga boleh ke jadi bomoh apa semua, kalau diaorang tak bagi tak boleh lah, tak bagi tu bukan sebab apa ia melibatkan nyawa, sampai sekarang mungkin kita tengok dah moden apa semua kan, tapi hantu setan tadi masih ada di sekeliling kita cumanya kita tak nampak tu semua.

(I3, 17 November, Kajian Lapangan 2021)

‘Sepilih’ ini dikatakan mempunyai dalam 1600 ‘Bes’ makhluk dia. Ada pelbagai jenis samada yang berkepala dua, lidah yang panjang, gigi yang panjang dan sebagainya lagi (Werner 1997). Setiap ‘bes’ dikatakan mempunyai simbolik ataupun makna di sebalik patung sepilih tersebut. Antara ‘Bes’ yang ada menurut informan empat dan lapan di Kampung Kuala Terbol.

No	Nama ‘Bes’	Simbol / Makna
1.	Cacing Kerabok (Hantu Cacing)	Masyarakat Jah Hut percaya ia hidup di tempat air yang kotor sehingga memberi kesan kepada kanak-kanak yang kecil sehingga perut mereka akan membengkak, dan mangsa menjadi kurus.
2.	Kumok Jah	Merupakan bes yang perlu ditakuti oleh kebanyakan puyang kerana ia merupakan roh yang paling jahat.
3.	Bes Bungkok (Hantu Bongkok Pinggang)	Tinggal di akar besar di dalam hutan. Jika seseorang berjalan di atas akar besar apabila roh ada di sana, roh tersebut akan memukul orang

		tersebut di belakang sehingga orang tersebut tidak boleh meluruskan pingganya kerana sakit buah pinggan yang kronik.
4.	Hyang Dney	Merupakan kunci segala kepada bes yang lain. Yang paling utama.
5.	Bes Cherung Lentak  (Hantu Lidah Panjang)	Tinggal di dalam hutan, apabila seseorang pulang dari memburu, roh akan mengikut dari belakang dan menjilat punggung individu tersebut sampai dia pulang rumah.
6.	Hantu Langsuir	Dipercaya roh yang kehilangan anak dan akan menganggu kanak-kanak kecil yang datang ke tempat dia.
7.	Bes Chep Iwa'  (Hantu Pegang Anak)	Roh hutan, yang hidup di atas pokok yang dipanggil pokok ara. Ia hanya akan menangkap kanak-kanak kecil berumur empat hingga lapan tahun dan membawanya ke atas pokok dan memakan kaki kanak-kanak tersebut.
8.	Bes Chole  (Hantu Sakit Mata)	Roh akan membuat mata seseorang menjadi menonjol sehingga mereka menjadi keradangan.
9.	Bes Jabi'  (Hantu Jabi)	Roh-roh itu tinggal di dalam lumpur sungai apabila diganggu oleh Bes Jab' badan akan terasa panas dan sejuk.
10.	Bes Bongo  (Hantu Punggor)	Merupakan roh hutan, jika ada yang lalu di bawah pokoknya, bes bongo akan jatuhkan dahan dan jika terkena orang tersebut akan mati.

12.	Bes Samang (Beruk)	Semangat ini tinggal di dalam huan yang dalam biasanya di dalam pokok kerayong, siapa yang memijak akan mengalami kesakitan di bahagian kaki.
13.	Bes Bekaw  (Hantu Bunga)	Semangat biasanya terdapat pada pokok buah-buahan semasa musim buah., jika seseorang lalu di bawah pokok tersebut akan mengalami sakit kepala kerana bau hantu bunga yang sangat busuk.
14.	Bes Banir  (Hantu Pokok Banir)	Roh hutan uang tinggal di pokok banir. Jika ada seseorang yang lalu di bawah pokok itu, bes akan menakutkanya dengan membaling kayu atau dahan pokok kepadanya.
15.	Bes Bumi (Hantu Bumi)	Roh yang hidup di bawah tanah dan menganggu kanak-kanak tidak kira siang atau malam sehingga mereka terjejas sakit dan tidak sedarkan diri dan akhirnya mati.
16.	Bes Awan  (Hantu Panggok Awan)	Ada tiga bes dalam satu patung, yang pertama, Bes Sohudi Awan (Hantu Ribut), Bes Putri Awan (Hantu Hujan), Bes Bankok Awan (Hantu pengumpul Awan), Orang jah hut percaya tiga bes ni duduk dekat awan, kalau bes awan ni macam marah, angin akan rebut pastu akan hujan lebat, jadi kalau siapa jalan bawah hujan lebat akan demam panas.

17.	Bes Bisul Penajen (Hantu Bisul)	Masyarakat Jah Hut percaya kalau ada bisul adalah disebabkan oleh bisul penajen.
18.	Bes Bre' (Hantu Hutan)	Hantu / roh yang mempunyai satu kaki sahaja, duduk di atas pokok ara dan bila daun pokok berwarna merah, perlu berhati-hati kerana masyarakat Jah Hut percaya jika lalu masa bes bre' ada orang itu akan jadi cepat marah.
19.	Bes Bulus (Hantu Lembing-	Masyarakat Jah Hut percaya bes bulus ni apabila pesakit tersebut sesak nafas yang sangat teruk jika terlambat akan membawa maut.

Jadual 4.3: Senarai nama ‘Bes’ makna simbolik Patung Sepilih

Sumber: (Kajian Lapangan 2021)

Bagi menggunakan patung sepilih upacara Beni Soy’ perlu dijalankan terlebih dahulu bagi mengetahui patung sepilih apa yang perlu diukir oleh tukang pengukir kayu. Menurut Sani dan Arif (2021, Beni Soy’ merupakan perubatan yang dijalankan dalam masyarakat suku kaum Jah Hut di mana merangkumi pemujaan yang diiringi jampi dan objek pemujann serta diselitkan dengan pelbagai nyanyian yang berunsurkan pemujaan. Upacara ‘Beni Soy’ ini diadakan selama dua malam atau tiga malam secara berturut-turut dan puyang akan menjadi perantaraan diantara puyang dan roh yang akan diusir nanti (Werner,1997). Menurut informan lapan di penduduk Kampung Kuala Terbol, upacara beni soy akan dijalankan jika ada orang yang sakit dan puyang akan membinta bantuan roh ataupun semangat dari semangat daun pokok yang dikenali sebagai Jah Sla Naho dan jika panggil tanpa sebab puyang boleh jatuh sakit yang teruk.


Beni Soy ni upacara yang penting lah dulu dalam perubatan, yerlah satu satunya perubatan dulu, Beni Soy ni akan dimulakan kalau ada orang yang sakit, atau terkena penyakit dalam hutan ke yang diketuai lah oleh puyang (bomoh) dibantu oleh biduan (pembantu bomoh). Puyang mintak bantuan daripada semangat daun pokok (Jah Sla' Naho), kalau puyang panggil semangat daun pokok tu tanpa sebab puyang tub oleh jatuh sakit, boleh jadi perkara yang tak baik lah nanti kat puyang, jadi kalau nak panggil, mesti ada sebab dan cara yang betul untuk panggil semangat tu.

(I8, 24 November, Kajian Lapangan 2021)

Seperti yang dijelaskan tadi, upacara ini dijalankan pada waktu malam sahaja, untuk memulakan upacara ‘Beni Soy’ ini ahli keluarga perlu menyediakan tempat dan peralatan yang akan digunakan oleh puyang ketika upacara beni soy ini dijalankan. Menurut informan lapan antara peralatan yang perlu disediakan oleh ahli keluarga pesakit adalah seperti tujuh daun setawa yang digaul dengan air, rotan, kemenyan, bun dalam 20 helai daun satu bun setiap pesakit tiga bun diperlukan, bahau pakaian kepala untuk dipakai oleh puyang, samban luan untuk dipakai pada badan puyang iaitu dari kulit pokok luan, samban chin chong dari akar pokok ching chong, tepung re kwo atau tepung beras yang dijadikan dalam bentuk bulat untuk setiap pesakit satu tepung re kwo, kunyit mulai dan penerok iaitu air embun hujan.


Sebelum nak mula tu, ahli keluarga perlu sediakan tempat untuk upacara Beni Soy tu, perlu letak daun-daun disekeliling tempat tu untuk tutup, nanti puyang dan pesakit akan duduk di tengah tempat beni soy tadi, dipanggil sebagai Balai Berteh, selain itu, nanti ahli keluarga perlu sediakan barang-barang yang puyang nak guna, 7 daun setawa yang digaul dengan tepung beras dan air, rotan kemenyan, bun dalam 20 helai daun satu bun. Untuk seorang pesakit 3 bun bahau (Pakaian kepala untuk puyang), samban Luan (untuk dipakai pada badan puyang, kulit dari pokok luan), samban Chin Chong (dari akar pokok chin chong), tepung Re Kwo (Bebola dari tepung beras, sorang satu untuk pesakit), kunyit mulai, dan akhir sekali penerok (air embun hujan).

(I8, 24 November, Kajian Lapangan 2021)



Gambar 4.3.1: Contoh gambaran peralatan yang diperlukan semasa upacara ‘Beni Soy’.

Sumber: Buku *Culture and Jah Het of Malaysia Art of Culture*, Muka Surat 45 (1997).



Gambar 4.3.2: Contoh gambaran pakaian puyang ketika upacara ‘Beni Soy’

Sumber: Buku *Culture and Jah Het of Malaysia Art of Culture*, Muka Surat 45 (1997).

#### **4.3.3 Upacara Beni Soy dijalankan pada 2 malam berturut-turut:**

Hari	Perjalanan Upacara Beni Soy
Malam Pertama	<p>1) Puyang dan pesakit akan duduk bertentangan dalam tengah tempat tu, yang dikelilingi oleh ahli keluarga.</p> <p>2) Puyang akan bakar kemenyan untuk asapkan seluruh badannya</p> <p>3) Pastu puyang akan satu bun cium bun tersebut dan mula panggil (Jah Sla Naho) di mana mereka percaya semangat daun pokok akan membantu upacara tersebut.</p> <p>4) Selepas puyang merasakan semangat tu ada dengan dia, puyang ambik bun yang pertama letak pada mulut dia dan dia memukul badan pesakit tadi dengan bun itu untuk mencari lokasi bes tadi dan keluarkannya dari badan pesakit tadi.</p> <p>5) Puyang ambil bun kedua untuk keluarkan bes dalam badan pesakit</p> <p>6) Selepas puyang dapat bes tadi, pesakit diarahkan untuk menghadap puyang.</p> <p>7) Puyang memberkati mangkuk nasi dengan kemenyan kemudian mencelupkan bebola nasi ke dalam penerok dan mengguungnya ke atas badan untuk sejukkan badan pesakit. Menggiling tepung pada badan</p> <p>8) Puyang ambil kunyit mulai pastu kunyah dalam mulutnya sampai hancur, dan semburkan pada badan sakit dan ratakan pada badan dia untuk jauhkan penyakit dari badan dia.</p>

	<p>9) Puyang akan menggunakan asap kemenyan untuk memberkati samban luan dan samban chinchong supaya puyang tidak akan gatal selepas memakainya.</p> <p>10) Pesakit akan pergi ke satu sudut yang dipanggil ‘Ngenok Chempok’</p> <p>11) Puyang akan ambil bun yang ketiga, dan naikkan tangannya ke atas untuk minta kekuatan dari ibu bumi dan bapa langit, kalau tak upacara tu tidak akan jadi.</p> <p>12) Selepas itu, puyang akan asapkan bun tadi, dan letakkan semula pada badan pesakit untuk mencari lagi bes.</p> <p>13) Dapat kenal pasti, puyang sekali lagi ambik tepung beras yang dah dibulatkan tadi menggiling balik pada badan pesakit untuk sejukkan badannya.</p> <p>14) Selepas itu, puyang dan biduan akan mula menyanyi lagu Jah Sla Naho, sambal Wanita dan kanak-kanak perempuan memainkan bunyi bunyian dari hentakan buluh beramai-ramai sampai selesai.</p> <p>15) Setelah selesai semua, semangat daun pokok tadi akan datang dalam khayalan puyang untuk bagi keberkatan dan akhirnya memberitahu puyang jenis sepilih apa yang perlu di buat pada keesokannya.</p>
Malam Kedua	Pada keesokannya, puyang akan mengarahkan biduan iaitu pembantu puyang untuk memberitahu kepada tukang pengukir kayu sepilih apa yang perlu diukir untuk kegunaan upacara pada malam kedua. Biduan akan mencari tukang pengukir untuk menghasilkan patung sepilih dalam sepuluh jenis kerana setiap individu memerlukan sepuluh sepilih.

**Malam Kedua:**

- 1) Tukar Ganti – Bertukar sakit ke dalam sepilih, pesakit akan membelakangkan puyang. Puyang akan memegang sepuluh sepilih dengan kedua-dua tangan dan dia menekannya ke belakang orang sakit, jadi penyakit tadi akan masuk ke dalam sepilih, dan setelah masuk puyang membacakan sesuatu (jampi) dan meminta orang yang berhampirannya untuk menghantar sepilih itu pergi jauh dari sini, letakkannya di bawah pokok dan tindih sepilih tadi dengan kayu supaya seplih tu kunci tak dapat bergerak ke mana-mana nanti.
- 2) Ikat Bes – Ikat bes ni adalah di mana puyang menggunakan bun tadi diikat pada kepala pesakit dan baca jampi, lepastu puyang buka semula bun tadi, dan sapu kepala dan badan pesakit dengan air penawar supaya bes tadi tidak boleh balik semula kepada pesakit.
- 3) Adat Menggolek ‘Tepung Alin (Tepung beras) – di mana puyang menggolek tepung tadi di atas badan pesakit untuk sejukkan badan pesakit tadi.
- 4) Sembur Kunyit Mulai – Puyang mengunyah daun kunyit mulai dalam mulutnya dan semburkan kepada badan pesakit supaya jauhhkan sebarang penyakit yang ada pada dia.
- 5) Tangkal atau Menangkal – Puyang sediakan tangkal dan dijampikan tangkal tersebut supaya pesakit dijauhkan daripada roh jahat atau sebarang penyakit yang akan memudaratkan dia, sebagai pelindung untuk pesakit.

	<p>6) Penjor – Penjor ini sama dengan nyanyian Jah Sla Naho untuk memanggil roh yang hilang kembali semula pada badan pesakit, semoga upacara ni mendapat keberkatan dan kebaikan dan dijauhkan daripada roh jahat tadi.</p> <p>7) Penutup – Puyang membacakan satu ayat atau dikira macam jampi untuk memberkati upacara beni soy, untuk memulangkan semula daun semangat pokok tadi ke tempat asalnya, dan puyang memberkati pesakit tadi dan berakhirlah upacara beni soy.</p>
--	---


#### Jadual 4.3.3: Perjalanan Upacara Beni Soy

Sumber: (Kajian Lapangan 2021)

Seterusnya, selepas selesai upacara beni soy pesakit perlu mematuhi pantang – larang yang disediakan oleh puyang bagi mengelakkan pesakit jatuh sakit semula. Antara pantang larang yang perlu dipatuhi oleh pesakit adalah pada keesokannya, pesakit perlu dimandikan oleh puyang dan biduan di tempat yang telah disediakan oleh ahli keluarga pesakit iaitu balai besar kandong embun untuk memastikan pesakit dilindungi oleh sebarang penyakit lagi. Pantang larang yang pertama adalah tidak boleh keluar rumah selama tiga hari, dan tidak boleh masuk ke hutan selama empat hari, yang kedua tidak boleh makan cili, yang ketiga ikan yang berduri tidak boleh dimakan dan yang terakhir tidak boleh bau asap-asap bakar. Menurut informan dari sesi temubual yang dijalankan oleh pengkaji mengenai pantang – larang.

Apa yang saya tahu lah, selepas selesai upacara sawai malam tu, keesokannya, pesakit kena dimandikan oleh puyang menggunakan air embun, kita kena buat lar tempat tu, nama tempat tu ‘Balai Besar kandong embun’. Pesakit tak boleh mandi selama 3 hari, kalau nak buang air kecil atau besar boleh lar, kalau mandi satu badan tak boleh, nanti segala jampi hilang pada pesakit tu. Cumanya pesakit boleh mandi pada keesokannya oleh puyang dan biduan untuk melengkapkan upacara perubatan tadi. tak boleh keluar rumah selama 3 hari, kena duduk rumah saja, selepas 3 hari boleh keluar rumah, tetapi tak boleh masuk ke hutan selama 4 hari, makan kena jaga, tak boleh makan cili, ikan duri tak bole, tak boleh bau asap-asap bakar, macam sampah ke apa ke tak boleh. Penduduk kg kena tahu lah kalau nak bakar sampah tu kena tengok dulu boleh ke tidak. Itu saja lah yang saya ingat, selepas dari tu tak de apa lah. Macam tu je lah. Kalau nak buat patung tu tak de lah pantang larang, sepilih pun tak de,

(I8, 24 November, Kajian Lapangan 2021)



Gambar 4.3.4: Contoh gambaran Balai Besar Kandong Embun

Sumber: Buku *Culture and Jah Het of Malaysia Art of Culture*, Muka Surat 75 (1997).

#### **4.4 Penggunaan Patung Ukiran Kayu Pada Suku Kaum Jah Hut.**

Dalam pada itu, kita dapat melihat dengan jelas bahawa patung ukiran Jah Hut iaitu patung sepilih ini digunakan ketika perubatan tradisional iaitu upacara Beni Soy. Sepilih menjadi kegunaan puyang untuk mengalihkan penyakit ‘Bes’ dari badan pesakit ke dalam patung sepilih (Werner,1997). Tetapi jika patung sepilih disalah ukir maka upacara yang dilakukan tadi tidak akan menjadi. Ini kerana, ‘bes’ hanya boleh dialihkan jika patung yang digunakan itu betul dengan penyakit yang dialami oleh pesakit. Selain itu, penghasilan patung sepilih tidak dikenakan bayaran, kerana tukang pengukir buat secara percuma dan menganggap pertolongan sesama masyarakat. Menurut informan yang di temubual di Kampung Kuala Terbol mengenai persoalan penggunaan patung ukiran kayu ini dalam masyarakat suku kaum Jah Hut.

tapi selalunya sepilih kalau salah memang tak jadi lah, kena buat yang lain lah upacara tu. Macam saya cakap tadi pada malam pertama Jah Sla Naho akan bagitahu bes apa dekat puyang, kalau situ salah, jadi sepilih pun salah lah. sepilih tu macam rumah baru untuk dia supaya keluar dari badan pesakit tadi, kita kunci dia dalam tu supaya dia tak keluar lagi....


(I8, 24 November, Kajian Lapangan 2021)

Penggunaan yang seterusnya yang kita dapat lihat dalam masyarakat kaum Jah Hut di mana patung ukiran kayu ini boleh dijadikan sebagai sumber pendapatan mereka. Permintaan yang tinggi membuatkan patung ukiran kayu ini mendapat sambutan dalam kalangan pelancong asing dan badan-badan agensi samada swasta mahupun kerajaan (Sani & Arif (2021). Patung ukiran kayu ini dijual pada harga RM 500.00 sehingga RM 600 ringgit Malaysia yang saiznya dalam lingkungan dua hingga ke tiga inci. Selain itu, harga patung akan jadi lebih mahal jika patung tu lebih besar dan rumit untuk dihasilkan dan boleh mencerek harga ribuan ringgit satu patung. Oleh itu, menurut informan lapan masyarakat kaum Jah Hut

pada zaman dahulu pada tahun 90 an mendapat sambutan yang sangat tinggi sehingga ada di kalangan mereka kaya dengan hasil jualan patung ukiran kayu ini.

Patung ni kadang tak tentu harga ada yang 500/600 paling mahal dalam 1000 lah, ada dalam 2 inci 3 inci ikut permintaan orang tu sendiri lah nak besar mana patung tu.

(I4, 21 November, Kajian Lapangan 2021)



Gambar 4.4: Contoh kraftangan patung ukiran kayu Jah Hut yang dihasilkan oleh tukang pengukir.

Sumber: Kajian Lapangan, 2021

Lain daripada itu, menurut (Seong,2021) mengatakan bahawa masyarakat Jah hut mengamalkan kepercayaan animisme yang mempercayai setiap tempat di muka bumi ini mempunyai semangat. Antara semangat yang adalah:

No.	Senarai Semangat	Maksud
1.	Semangat Orang	Semangat yang mengawal diri seseorang sama ada ke arah kebaikan atau kejahanan.
2.	Semangat Angin	Semangat yang mahukan kebebasan untuk mengawal nafsu.
3.	Semangat Hantu	Mengawal diri seseorang dari takutkan hantu
4.	Semangat Rusa	Semangat yang menimbul rasa berani sewaktu malam. Kaum Jah hut percaya orang yang telah mati, rohnya akan menjadi rusa.
5.	Semangat Babi	Semangat keberanian. Mereka yang mempunyai semangat ini tidak sesuai untuk bercucuk tanam.
6.	Semangat Lalat	Semangat yang berani pada waktu siang di mana dikatakan pasangan suami isteri yang mati secara berasingan tetapi akan kembali bersama.
7.	Semangat Iblis	Semangat yang mendorong manusia untuk melakukan kejahanan. Tanda-tanda yang menunjukkan seseorang itu mempunyai semangat iblis ialah iri hati, berpura-pura, dan mempunyai niat yang jahat.

Jadual 4.6: Senarai semangat dan maksud

Sumber: Buku *Culture and Jah Het of Malaysia Art of Culture*, Muka surat 35 & 38 (1997).

Sementara itu, peredaran zaman sudah berlalu dan ada di antara masyarakat Kampung Kuala Terbol sudah menganuti dua agama iaitu agama Islam dan juga agama Kristian. Perubahan agama juga akan mempengaruhi kepercayaan seseorang terhadap pegangan yang dipegang selama ini. Kepercayaan masyarakat Jah Hut adalah kepercayaan kaum dan mereka tiada agama tetapi mempunyai adat dan kepercayaan anismisme. Menurut informan dari Tok Batin Kampung Kuala Terbol .

Tak silap saya ada dua, agama Kristian dengan agama islam lah yang saya tahu. Dekat kg sini pun ada gereja dengan surau, tapi tak besar mana kecik je cukuplah untuk penduduk kg ni. Dan ada juga yang tiada agama (Atheis).

(I2, 17 November, Kajian Lapangan 2021)

Kalau dulu sakit mereka cenderung menggunakan perubatan tradisional tapi zaman sudah berlalu, dan ada juga yang sudah berfikiran terbuka dan ada juga yang masih pegang kepada adat dan kepercayaan kaum Jah Hut. Menurut informan lapan yang menjawab persoalan yang ditanya oleh pengkaji mengenai kepercayaan mereka mengenai perubatan tradisional ini:

Percaya, saya membesar dengan perubatan beni soy ni, suami saya pun puyang, tapi dah sekarang dah tak de ni, tak buat dah lah, anak anak saya kata sakit, pergi klinik hospital makan ubat saja, saya ikut saja lah, saya dah tua ni, mana boleh lawan, ikut saja lah anak saya kata macam tu, masih percaya tapi tu lah sini dah tak de perubatan gunaa sepilih ni...

(I8, 24 November, Kajian Lapangan 2021)

#### **4.5 Inisiatif Bagi Memulihara Warisan Patung Ukiran Kayu Jah Hut Yang Dicadangkan Oleh Informan.**

Malaysia kaya dengan khazanah dan warisan budaya. Namun dengan peredaran zaman moden pada masa kini membuatkan segala karya seni dan tinggalan warisan mula dilupakan. Semua pihak seharusnya memainkan peranan yang penting dalam mengekalkan seni dan warisan yang ada. Kepentingan pengetahuan dalam seni dan warisan dapat membantu merealisasikan kehidupan sesuatu masyarakat agar tidak dilupakan oleh zaman (Abdullah Sani & Abd Arif, 2021) . Menurut Sani (2016), seni patung ukiran kayu dalam suku kaum Jah Hut sememangnya mempunyai nilai estetika yang tersendiri dan mempunyai identiti yang melambangkan kehidupan mereka sejak dari dahulu sehingga sekarang.

Oleh yang demikian, bagi memastikan kesinambungan warisan patung ukiran kayu Jah hut ini, Informan dari penduduk Kampung Kuala Terbol ada memberi pandangan dan cadangan iaitu mengadakan kerjasama diantara tukang pengukir kayu dan tok batin untuk mengadakan suatu program bersama bagi menarik minat generasi muda pada masa kini. Ini kerana, kesilapan tukang pengukir kayu tidak memperkenalkan kemahiran mereka kepada orang ramai, kerana selama ini, kalau ada pelancong asing datang membeli, yang itu sahaja yang tahu kerana tidak dikomersialkan kepada orang ramai.

Macam kita orang yang pandai buat patung ni kena kerjasama lar dengan Tok Batin buat satu program macam tu lar untuk ajar budak-budak muda ni, macam nak tarik minat orang muda lar untuk buat patung balik. Macam Pak Cik Halim tadi dah berumur dah, kalau dia dah tak de, tak de lah patung tu, habis macam tu lar, mereka buat kraftangan tapi simpan untuk mereka sahaja, saya faham mereka tak tak tahu macam mana nak kenalkan kepada orang ramai apa yang mereka buat. Macam selama ni pun, pelancong sendiri yang datang sini cari, saper yang tahu, tahu lar, yang tak tahu, tak tahu sampai sudah lar. Pastu setahu saya, kebanyakkan yang diaorg buat tu bila ada orang mintak je, tak de orang mintak tak buat lah

(I2, 17 November, Kajian Lapangan 2021)

Melalui bengkel tersebut, generasi muda pada masa kini dapat melihat bagaimana ingin menghasilkan kraftangan. Hal ini berlaku kerana, generasi muda pada masa kini hanya tertumpu kepada gajet dan tidak didedahkan dengan kemahiran yang diperolehi oleh tukang pengukir kayu. Untuk menarik minat generasi muda perlulah dimulakan pada masa kecil lagi, perlu diberi tunjuk ajar bagaimana krafatangan masyarakat suku kaum Jah Hut dihasilkan. Tetapi pada masa kini, generasi baru masyarakat suku kaum Jah Hut ini telah mula berubah di mana kehidupan moden dan terjamin membuatkan generasi muda terus lupa untuk mendalami segala warisan, kesenian dan kepercayaan yang ada (Abdullah Sani & Abd Arif, 2021).

Oleh demikian, informan dari golongan generasi muda telah memberikan cadangannya untuk menghidupkan susasana kampung pada waktu malam atau pada hujung minggu untuk mengadakan satu tempat berkumpul orang kampung berkongsikan kemahiran dan pengalaman mereka dalam menghasilkan kraftangan. Ini kerana, pada waktu malam generasi muda hanya membuang masa dengan melepak bersama-sama kawan menghabiskan waktu borak kosong. Pandangan informan mungkin dari situ boleh menimbulkan minat generasi muda untuk mewarisi kraftangan suku kaum Jah Hut agar dapat diteruskan walaupun arus pemodenan yang semakin pesat. Menurut informan Cik Intan Sazima A/P Sarip mengenai pandangan beliau untuk mempartahankan legasi warisan kraftangan suku kaumnya:

Kalau macam saya eh, macam orang tua tu kan, dia contoh kalau time malam kan, macam apa kitaorang kan kalau time time malam melepak saja saja, orang tua tu boleh kot datang situ ceritakan pasal kraftangan ke cerita rakyat ke untuk kitaorang minat nak dengar, macam adakan satu aktiviti hujung minggu ke, sebab kampung kitaorang tak besar mana, boleh buat macam satu balai ke lepak ramai ramai situ, dari situ mungkin boleh timbul minat nak belajar, bagi saya kalau dah diajar, ditunjuk dari kecik macam mana, mungkin saya pun boleh minat tapi saya tak membesar dengan suasanan macam tu dah, jadi saya kurang pengetahuan pasal tu semua,...

(I6, 21 November, Kajian Lapangan 2021)

#### **4.5 Penutup**

Secara keseluruhannya, objektif yang telah digariskan oleh pengkaji telah tercapai walaupun pada awalnya terdapat batasan di mana berlaku perintah kawalan pergerakan (PKP) di Kampuang Kuala Terbol pada bulan Oktober dan November menyebabkan pengkaji terpaksa menangguhkan kajian lapangan yang sepatutnya dijadualkan pada bulan oktober. Pengkaji telah menggunakan kaedah pemerhatian dan dapat mengamati persekitaran kehidupan masyarakat suku kaum Jah Hut dengan lebih dekat.

UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN

## BAB LIMA

### KESIMPULAN DAN CADANGAN

#### 5.0 PENGENALAN

Bab ini telah membincangkan dan merumuskan hasil dapatan kajian yang diperolehi dan bagi menjawab persoalan-persoalan kajian yang telah ditetapkan. Perbincangan tersebut menyentuh keseluruhan topik yang dapat dilihat oleh pengkaji dimana terdapat bahagian-bahagian yang saling berhubung kait antara permasalahan kajian, teori dan cadangan yang perlu diketengahkan melalui kajian ini. Melalui perbincangan ini, pengkaji mampu mengulas dengan lebih mendalam secara kritis supaya dapat merungkaikan segala kekuatan dan kelemahan hasil daripada dapatan kajian. Berdasarkan dapatan kajian yang diperolehi, terdapat cadangan yang dinyatakan kepada pihak yang berkaitan bagi tujuan.

#### 5.1 KESIMPULAN

Secara keseluruhannya, pengkaji dapat merumuskan bahawa kajian simbol dan fungsi patung ukiran kayu orang asli Jah Hut di Kg. Kuala Terbol, Kuala Krau Temerloh Pahang ini adalah merupakan satu kajian yang mampu memberikan satu usaha untuk memelihara dan memulihara kesinambungan warisan patung ukiran kayu Jah Hut serta memelihara identiti budaya suku kaum Jah hut.

Melalui dapatan kajian daripada objektif pertama iaitu untuk mengetahui sejarah patung ukiran kayu dalam suku kaum Jah Hut, pengkaji telah mendapati bahawa permulaan patung ukiran kayu ini adalah melalui kepercayaan animisme yang diamalkan oleh masyarakat

orang asli. Di mana mereka percaya bahawa di sekeliling mereka mempunyai roh dan semangat di dalam objek tersebut. Walaupun pada permulaanya, patung ukiran kayu Jah Hut ini terdapat keraguan keaslian buatannya tetapi dapat dibuktikan bahawa ukiran yang dihasilkan oleh mereka mempunyai keunikan dan sejarah tersendiri berbanding dengan kaum orang asli yang lain. Pada permulaanya, patung ‘sepilih’ dihasilkan adalah untuk kegunaan perubatan tradisional tetapi telah mendapat permintaan yang tinggi dari pelancong serta badan-badan agensi yang lain untuk dijadikan sebagai kraftangan. Oleh itu, setelah peredaran zaman berlalu, patung ‘sepilih’ tidak lagi digunakan di kampung Kuala Terbol kerana tidak mengamalkan lagi perubatan tradisional yang berunsurkan pemujaan dan kini mereka hanya menghasilkan patung ukiran kayu kraftangan sahaja.

Menerusi dapatan kajian daripada objektif kedua pula iaitu untuk mengenalpasti simbolik patung ukiran kayu Jah Hut. Berdasarkan pemerhatian pengkaji orang asli ini mempunyai kepercayaan dan kemampuan dalam mengubati penyakit melalui perubatan tradisional. Mereka menggunakan patung ‘sepilih’ itu untuk dijadikan sebagai satu objek pengalihan roh jahat dari badan pesakit ke dalam patung tersebut. Ini kerana, simbol adalah sesuatu perkara yang tersembunyi dan gambaran kepada elemen ghaib. Oleh itu, masyarakat orang asli percaya patung ‘sepilih’ itu adalah mewakili kepada roh jahat yang masuk ke dalam badan manusia. Pengkaji mendapati bahawa untuk memahami secara mendalam maksud ‘bes’ itu agak sukar untuk difahami kerana ia melibatkan perkara yang tidak boleh dilihat oleh manusia dan hanya orang tertentu seperti puyang ataupun bomoh yang mempelajari dan memahami secara mendalam mengenai alam ghaib.

Bukan itu sahaja, daripada dapatan kajian yang diperoleh pengkaji menerusi objektif ketiga pula mengenai kegunaan patung ukiran kayu dalam suku kaum Jah Hut. Seperti yang dijelaskan tadi pada permulaanya patung ukiran kayu ini digunakan di dalam perubatan tradisional iaitu upacara ‘Beni Soy’. Di mana patung ‘sepilih’ itu digunakan sebagai satu objek pengalihan roh

jahat dari badan pesakit ke dalam patung tersebut. Walau bagaimanapun, kegunaan patung ‘sepilih’ dalam perubatan tradisional sudah tidak diamalkan lagi dan patung ukiran kayu Jah Hut ini tertumpu kepada kraftangan budaya kaum Jah Hut. Oleh demikian, menghasilkan patung ukiran kayu ini juga sebagai sumber pendapatan kepada masyarakat orang asli Jah Hut. Namun begitu, kemahiran menghasilkan patung ukiran kayu ini hanya dipelopori oleh golongan yang dah berusia dan itu bermaksud tiada pelapis dan kesinambungan warisan patung ukiran kayu Jah Hut. Pengkaji melihat perkara itu agak membimbangkan kerana warisan itu akan dilupakan mengikut peredaran zaman jika tidak dipelihara dengan baik.

Hal ini berlaku kerana, generasi muda pada masa kini melihat mengukir patung ukiran kayu itu sudah lapuk dan tidak mendatangkan hasil yang lumayan sejak kurangnya permintaan daripada pelancong. Oleh itu, melalui pemerhatian pengkaji generasi muda di kampung Kuala Terbol ini cenderung mencari peluang pekerjaan di bandar bagi menampung kehidupan mereka.

## **5.1 Cadangan Mengekalkan Warisan Patung Ukiran Kayu Jah Hut Agar Dapat Diwarisi Oleh Generasi Akan Datang.**

Seperti yang dinyatakan dalam permasalahan kajian, kurangnya pendokumentasian mengenai patung ukiran kayu dan generasi muda tidak mempunyai keinginan untuk mewarisi warisan kaum Jah Hut mereka sendiri. Hasil daripada kaedah pemerhatian yang dijalankan oleh pengkaji di Kampung Kuala Terbol ini, generasi muda tidak berminat untuk meneruskan kerana tiada permintaan daripada pelancong sehingga menyebabkan tukang pengukir kayu ini tiada pendapatan yang tetap seperti dahulu. Oleh itu, generasi muda menganggap pekerjaan

mengukir kayu ini tidak boleh dijadikan sebagai pekerjaan dalam masyarakat orang Asli Jah Hut.

Di sini terdapat beberapa cadangan yang telah dikemukakan oleh pengkaji untuk membuka mata masyarakat mengenai kepentingan memelihara warisan patung ukiran kayu dalam masyarakat suku kaum Jah Hut ini. Pengkaji mencadangkan untuk pihak berkepentingan seperti pihak kerajaan iaitu Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA), memandang serius hal sebegini. Perlaksanaan program pameran kraftangan yang dijalankan oleh pihak JAKOA memberi impak yang positif kepada pengusaha pengukir kayu ini. Tetapi program itu hanya tertumpu kepada beberapa tempat sahaja seperti di Pusat Kebudayaan Kaum Mah Meri di Negeri Selangor. Namun begitu, pihak pengkaji mencadangkan agar pihak JAKOA boleh memastikan pengusaha kraftangan seperti tukang pengukir kayu ini di Kampung Kuala Terbol ini boleh diusahakan menjadi pengusaha kraftangan yang diiktiraf oleh pihak JAKOA agar memudahkan para pelancong mengenalpasti tukang pengukir kayu yang ada dalam masyarakat suku kaum Jah Hut ini.

Tambahan pula, bagi mengekalkan sesuatu warisan itu tidak hanya boleh tertumpu kepada satu pihak sahaja. Perlu ada sokongan dan usaha daripada pihak lain agar pengekalan warisan itu berjaya dikekalkan dalam arus pemodenan yang semakin pesat ini. Pengkaji mencadangkan agar masyarakat kaum Jah Hut membuka mata dan minda seperti Tok Batin dan penduduk kampung berusaha mempertahankan warisan kaum mereka dengan mengambil tempat dalam program yang dianjurkan oleh pihak berkepentingan pada masa akan datang. Ini kerana, pihak Jabatan Kemajuan Orang Asli ada menganjurkan program seperti Program Pemberian Geran Bantuan Bimbingan Usahawan Orang Asli di mana tujuannya adalah untuk mempercepatkan pembangunan dan kemajuan Orang Asli dalam pelbagai bidang (JAKOA 2022). Seterusnya, pihak JAKOA ada juga menganjurkan Kursus seperti Kursus Kemahiran Quick Win Pembangunan Orang Asli Tahun 2022 di mana tujuannya juga adalah untuk

membantu usahawan Orang Asli dalam meneruskan kelangsungan perniagaan dengan menyediakan geran bantuan dan juga Latihan berserta peralatan yang bersesuaian (JAKOA 2022).

### **5.3 Penutup**

Diharapkan kajian ini akan memberi manfaat dan pengetahuan kepada masyarakat serta pengkaji warisan pada masa akan datang. Pengkaji juga berharap agar kajian ini dapat memberi pendedahan yang jelas kepada pembaca mengenai Simbol dan Fungsi Patung Ukiran Kayu Jah Hut ini. Selain itu, melalui kajian ini generasi muda masa kini akan lebih mengenali dan mendekati warisan tidak ketara masyarakat Orang Asli Jah Hut. Seterusnya pengkaji berharap pengekalan warisan patung ukiran kayu ini akan menjadi titik mula dalam usaha melestarikan warisan tidak ketara masyarakat Orang Asli Jah Hut di Malaysia sekaligus dapat mengembangkan lagi bidang penyelidikan di negara ini.

UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN

## RUJUKAN

- Aminah, S., & Mohd, B. (2015). *A t t p.*
- Adisukma, W. (2019). Simbolisme Patung Macan Kurung Jepara. *Acintya Jurnal Penelitian Seni Budaya*, 10(2). <https://doi.org/10.33153/acy.v10i2.2283>
- Abidinhazir, Z. (2014). Arca dan Patung: Suatu Kefahaman Konsep. *Jurnal Seni Dan Pendidikan Seni*, 2, 155–166.
- Abdul Talib Bon. (2003). *Kenali Kami Masyarakat Orang Asli di Malaysia*. Batu Pahat: Kolej Universiti Tun Hussein Onn.
- Carey, I. (1976). Orang Asli: *The Aboriginal Tribes of PeninsularMalaysia*. New York: Oxford University Press: 1-11.
- Creswell, J.W. 2005. Educational Research: Planning, Conducting, and Evaluating Quantitative and Qualitative Research. London: Prentice Hall.
- Agusta, I. (2014). Teknik Pengumpulan dan Analisis Data Kualitatif. *Jurnal Studi Komunikasi Dan Media*, 02(1998), 1–11.
- Dan, W., Pelaksana, A., Yuszaidy, M., & Yusoff, M. (2018). Pemuliharaan warisan budaya melalui perundangan warisan dan agensi pelaksana di Malaysia. *Jurnal Melayu*, 17(2), 143–159.
- Fereday, J., & Muir-Cochrane, E. (2006). *Demonstrating Rigor Using Thematic Analysis: A Hybrid Approach of Inductive and Deductive Coding*
- Gomes, B. A. (2020). *Orang Asli matters. January 2004*, 1–5.
- Hua, A. K. (2016). Pengenalan Rangkakerja Metodologi dalam Kajian Penyelidikan : Satu Kajian Kes Abstrak Introduction to Metodology Framework in Research Study : A Case Study Abstract Pengenalan. 1(1), 17–23.

Hassan Mat Nor. 1988. Warga bumi menghadapi cabaran pembangunan. Kertas Kadangkala bil 8. Antropologi dan Sosiologi , Fakulti Sains Kemasyarakatan dan Kemanusiaan: Universiti Kebangsaan Malaysia.

Inangda, N., Keumala, M., Arbi, E., & Faisal, (2012). Pengaplikasian ukiran kayu melayu dalam seni bina di: *Journal of Design and Built Environment*, 11 (2009), 1-14.

Jabatan Kemajuan Orang Asli. (2011). Pelan Strategik Kemajuan Orang Asli. Kuala Lumpur: *Penerbitan Jabatan Kemajuan Orang Asli Malaysia*

Jasmi, K. A. (2012). Penyelidikan Kualitatif dalam Sains Sosial: *Penyelidikan Kualitatif Siri 1* (2012). 1-11. <http://eprtns.utm.my/41090/2/KamarulAzmiJasmi2012>

Jasmi, K. A. (2012). Metodologi Pengumpulan Data dalam Penyelidikan Kualitatitif. *Kursus Penyelidikan Kualitatif Siri I 2012, December.* [http://eprints.utm.my/41091/1/KamarulAzmiJasmi2012\\_MetodologiPengumpulanDataPenyelidikanKualitatif.pdf](http://eprints.utm.my/41091/1/KamarulAzmiJasmi2012_MetodologiPengumpulanDataPenyelidikanKualitatif.pdf)

Kamus Dewan Edisi Keempat. 2007. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka

Kechot, A. S. (2015). Form of communication in addressing the leadership role of non-governmental organisations (NGOS) film. *Jurnal Komunikasi: Malaysian Journal of Communication*, 31(2), 423–439. <https://doi.org/10.17576/jkmjc-2015-3102-24>

Laman Web Rasmi Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA) & Kementerian Pembangunan Luar Badan. Bahan Dicapai Pada May 30 2021 dari <https://www.jakoa.gov.my/pengenalan-masyarakat-orang-asli/>

Laman Web Rasmi Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA) & Kementerian Pembangunan Luar Bandar. Bahan Dicapai pada Januari 15 2022 dari <https://www.jakoa.gov.my/en/>

Laman Web Rasmi Pusat Rujukan Persuratan Melayu (2008). Dicapai pada May 30 2021 dari

<http://prpm.dbp.gov.my/>

Lindquist, E. F. (1940). Sampling in educational research. *Journal of Educational Psychology*,

31(8), 561–574. <https://doi.org/10.1037/h0058806>

Mustafa (2013), Tradisi dan Kepercayaan Orang Asli Jah Hu di Kampung Penderas

<https://ir.unimas.my/id/eprint/15625/>

Malaysia, K. P. (2012). Metodologi kajian tindakan kualitatif. 1–28.

Menteri, J. P. (2020), Perutusan Perdana Menteri berkenaan COVID-19: Prime Minister's

Office of Malaysia <https://www.pmo.gov.my/2020/03/perutusan-perdana-menteriberkenaan-covid-1>

Melayu, J. (2011). Akta warisan kebangsaan, 2005: tinjauan sepintas lalu. *Jurnal Melayu*, 8(8),

1.

Masron, T., Masami, F., & Ismail, N. (2013). Orang Asli in Peninsular Malaysia : Population , Spatial Distribution and Socio-Economic Condition. *Ritsumeikan Journal of Social Sciences and Humanities*, 6(January 2013), 75–115. [http://www.ritsumei.ac.jp/acd/re/k-rsc/hss/book/pdf/vol06\\_07.pdf](http://www.ritsumei.ac.jp/acd/re/k-rsc/hss/book/pdf/vol06_07.pdf)

Mustafa, R., Deli, R. M., Sarbini-Zin, M., & Osman, W. R. M. (2014). Amalan Perubatan

Tradisional Masyarakat Melayu Sarawak. *Procedia - Social and Behavioral Sciences*, 134, 316–322. <https://doi.org/10.1016/j.sbspro.2014.04.254>

Melinda, S., Laksmi, F., & Wardani, K. (2015). *Makna Simbolik pada Banua Layuk Rumah Tradisional Mamasa , Sulawesi Barat.* 13(1), 11–20.

<https://doi.org/10.9744/interior.13.1.11-20>

Mat Jidin Ahmad. (1994). Sastera Rakyat dalam Masyarakat Orang Asli. Latihan ilmiah. Universiti Putra Malaysia.

Md Adam, N. F., & Yusop, M. S. (2020). Sejarah, Adat dan Warisan Orang Asli Jahut di Pahang. *Melayu: Jurnal Antarabangsa Dunia Melayu*, 13(1), 83–108.  
[https://doi.org/10.37052/jm.13\(1\)no4](https://doi.org/10.37052/jm.13(1)no4)

Marican, S (2006). Penyelidikan sains sosial: *Pendekatan pragmatik*. Selangor: Edusystem Sdn.Bhd.

Piaw, C. Y. (2011). Kaedah dan statistik Penyelidikan. 2(May), 346.  
<https://doi.org/10.1017/CBO9781107415324.004>

Prakoso, A. A. (2018). Arahan Pengembangan Kawasan Wisata Sungai Musi Kota Palembang. *Jurnal Arsitektur Dan Perencanaan (JUARA)*, 1(1), 1–13.  
<https://doi.org/10.31101/juara.v1i1.361>

Rijali, A. (2019). Analisis Data Kualitatif. *Alhadharah: Jurnal Ilmu Dakwah*, 17(33), 81.  
<https://doi.org/10.18592/alhadharah.v17i33.2374>

Siti Aminah, M. S., & Seow, T. W. (2017). Kelestarian Pembangunan Sosiobudaya Komuniti Orang Asli. *Persidangan Kebangsaan Geografi & Alam Sekitar Kali Ke-4*, 483–489.

Sani 2016, *Empowering Local Mind In Art Design & Cultural Heritage (3<sup>rd</sup> SME International Colloquium)* Keunikan Ukiran Patung Kayu dalam Kehidupan Kaum Jah Hut dalam Keperluan dan Kepercayaan m/s124.

Sabitha Marican (2005). Kaedah Penyelidikan Sains Sosial Selangor: *Prentice Hall Pearson Malaysia*.

Shahrum Yub. (1980). Mah Meri sculpture. The Department of Museums, Kuala Lumpur. Kuala Lumpur: Malaysia.

Saragi, D. (2008). *Patung primitif batak analisis menurut teori seni Susanne K langer.pdf* (p.14).

Virgini Braun, Victoria Clarke, & Paul Weate (2016). *Using Themartic Analysis In Sport And Exercise Research*: [https://books.google.com.my/books?hl=en&lr=&id=F-hRDQAAQBAJ&oi=fnd&pg=PT427&dq=braun+2016+thematic+analysis&ots=VDlvwN4Gwb&sig=7RqGgf3A60RXNwuFjhcRFNxHn4&redir\\_esc=y#v=onepage&q=braun%202016%20thematic%20analysis&f=false](https://books.google.com.my/books?hl=en&lr=&id=F-hRDQAAQBAJ&oi=fnd&pg=PT427&dq=braun+2016+thematic+analysis&ots=VDlvwN4Gwb&sig=7RqGgf3A60RXNwuFjhcRFNxHn4&redir_esc=y#v=onepage&q=braun%202016%20thematic%20analysis&f=false)

R. Werner, Bomoh-Poyang: Traditional Medicine and Ceremonial Art of the Aborigines of Malaysia. Kuala Lumpur: University of Malaya, 1986.

T. B. Seong, “Bes Hyang Dney: A Jah Hut Myth of Peninsula Malaysia,” Journal of the Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society, vol. 59, no. 2, pp. 139-144, 1986

T. B. Seong, “Bes Hyang Dney: A Jah Hut Myth of Peninsula Malaysia,” Journal of the Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society, vol. 59, no. 2, pp. 139-144, 1986

Abdullah Sani, N. E., & Abd Arif, H. (2021). Khazanah Tersembunyi yang Semakin Lenyap: Seni Ukiran Patung Kayu Suku Kaum Jah Hut. *Journal of Humanities and Social Sciences*, 3(2), 88–97. <https://doi.org/10.36079/lamintang.jhass-0302.251>

R.Werner, Culture and Jah Het of Malaysia Art Of Culture. Kuala Lumpur:University of Malaya, 1997.

## LAMPIRAN

FTKw



Gambar 1: Tembual bersama informan 1, Encik Halim @ Tunggum Bin Pitong

Sumber: Kajian Lapangan, 2021



Gambar 2: Temubual bersama Informan 2 dan 3, Encik Samad Bin Dua di bahagian kiri, manakala di bahagian kanan Encik Amin A/L Ayong.

Sumber: Kajian Lapangan, 2021



Gambar 3: Temubual bersama informan 4, Encik Hisham A/L Boas

Sumber: Kajian Lapangan, 2021



Gambar 4: Temubual bersama informan 5, Sarina Bt Muhammad

Sumber: Kajian Lapangan, 2021



Gambar 5: Temubual bersama informan 6, Intan Sazima A/P Sarip

Sumber: Kajian Lapangan, 2021



Gambar 6: Temubual bersama informan 8, Puan Sarimah Binti Bani

Sumber: Kajian Lapangan, 2021

UMK.A02.600-4/7/4 JILID 2 (39 )

RUJ. KAMI (Our Ref.) : 22 APRIL 2021  
TARIKH (Date) :

Kg. Kuala Terbol  
Kampung Kuala Terbol  
28050 Kuala Krau  
Temerloh Pahang

Tuan/Puan,

**MEMOHON KEBENARAN UNTUK PELAJAR UMK MENJALANKAN KAJIAN / PENYELIDIKAN / TEMURAMAH**

Dengan hormatnya merujuk kepada perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa senarai nama di bawah adalah merupakan pelajar dari Fakulti Teknologi Kreatif Dan Warisan, Universiti Malaysia Kelantan yang akan menjalankan kajian/ penyelidikan/ temuramah di organisasi tuan/ puan. Tujuan menjalankan kajian/ penyelidikan/ temuramah ini adalah bagi memenuhi keperluan kursus Projek Penyelidikan I (CFT 3124). Nama pelajar adalah seperti butiran berikut:

Bil.	Nama Pelajar	No Matrik	No. Kad Pengenalan	Program
1	Nurul Hafawati Binti Azmi	C18A0354	981115065148	Ijazah Sarjana Muda Pengajian Warisan Dengan Kepujian


3. Sukacita sekiranya pelajar ini mendapat kerjasama daripada tuan/puan.

Kerjasama tuan/puan dalam hal ini amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan ribuan terima kasih.

Sekian.

**"RAJA BERDAULAT, RAKYAT MUAFAKAT, NEGERI BERKAT"  
"PRIHATIN RAKYAT: DARURAT MEMERANGI COVID-19"  
"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Saya yang menjalankan amanah,



**PROF. MADYA TS. DR. KHAIRUL AZHAR BIN MAT DAUD**  
Timbalan Dekan (Akademik dan Pembangunan Pelajar)

## LATAR BELAKANG INFORMAN

### Informan 1

Nama Informan	Halim @ Tunggum Bin Pitong
Peranan	Tukang Pengukir Kayu
Tarikh/Hari Temubual	17 November 2021 (Rabu)
Masa Temubual	12.00 – 1.45 Petang
Lokasi	Rumah Pak Cik Halim di Kg. Kuala Terbol.

### Informan 2

Nama Informan	Amin A/L Ayong
Peranan	Tok Batin / Ketua Kampung Kuala Terbol
Tarikh/Hari Temubual	17 November 2021 (Rabu)
Masa Temubual	2.00 – 3.00 Petang
Lokasi	Rumah Tok Batin di Kg Kuala Terbol

### Informan 3

Nama Informan	Samad Bin Dua
Peranan	Tok Mudim
Tarikh/Hari Temubual	17 November 2021 (Rabu)
Masa Temubual	3.00 – 4.00 Petang
Lokasi	Rumah Tok Batin di Kg. Kuala Terbol

### Informan 4

Nama Informan	Hisham A/L Boas
Peranan	Tukang Pengukir Kayu (4 Tahun Pengalaman)
Tarikh/Hari Temubual	21 November 2021 (Ahad)
Masa Temubual	11.30 – 1.00 Petang
Lokasi	Rumah Pak Cik Hisham di Kg Kuala Terbol

### Informan 5

Nama Informan	Sarina Binti Muhammad
Peranan	Generasi Muda (Pembantu Cikgu Tadika)
Tarikh/Hari Temubual	21 November 2021 (Ahad)
Masa Temubual	2.00 – 2.30 Petang
Lokasi	Tabika Kemas Kg. Kuala Terbol

### Informan 6

Nama Informan	Intan Sazima A/P Sarip
Peranan	Generasi Muda (Pelajar Universiti)
Tarikh/Hari Temubual	21 November 2021 (Ahad)
Masa Temubual	2.30 – 3.00 Petang
Lokasi	Tabika Kemas Kg. Paya Rekoh

### Informan 7

Nama Informan	Sarimah Binti Bani
Peranan	Tukang Pengukir Kayu (Dah Bersara)
Tarikh/Hari Temubual	24 November 2021 (Rabu)
Masa Temubual	12.00 – 2.30 Petang
Lokasi	Rumah Mak Cik Sarimah

### Informan 8

Nama Informan	Rosita A/P Samad
Peranan	Generasi Muda (Suri Rumah)
Tarikh/Hari Temubual	24 November 2021 (Rabu)
Masa Temubual	2.30 – 2.45 Petang
Lokasi	Rumah Mak Cik Sarimah

## **Transkrip Temubual**

### **1. Sejarah Patung Ukiran Kayu Dalam Suku Kaum Jah Hut.**

#### a) Asal usul patung ukiran kayu

Informan 8	Dulu ada orang putih datang sini, masa saya dekat kg koi lah, ini ayah saya cerita lah, masa tu saya kecik lagi, dia nampak sepilih tu bawah pokok tanya ' <i>apa dia?</i> ' atok saya bagitahu lah itu ' <i>sepilih untuk kegunaan perubatan</i> ', lepas tu dia tanya atok saya boleh ke kalau patung sepilih tadi buat besar-besar, pada mulanya macam pelik lah, tak de buat lagi, pastu orang putih tu macam mintak lagi, jadi atok saya cuba buat lah dengan kawan-kawan dia yang lain yang buat sepilih ni, lama lama jadi lah untuk jual, dulu-dulu memang ramai orang mintak dari zaman atok saya, turun pada ayah saya sampailah saya memang ramai orang datang sini untuk mintak patung tu.....
Informan 1	Dia dulu asal tu, dia macam saya tadi tu lah..saya macam apa orang kata itu " <i>Sepilih</i> " ( <i>Patung kecik yang digunakan untuk perubatan</i> ). Macam-macam jenis gambar gambar lar, gambar belalang ke, itular yang mula mula tu, saiznya kecik saja, sebesar jari kita saja....

#### b) Golongan yang mahir menghasilkan patung ukiran kayu

Informan 1	Dua dua boleh, perempuan pun ada dalam kg ni, “Ya Adak” nama dia. Dia lagi hebatlah dari saya buat patung-patung ni, saya biasa biasa je..dia isteri kepada Puyang(Bomoh).
------------	--

- c) Kaedah yang digunakan untuk belajar kemahiran menghasilkan patung ukiran kayu.

Informan 8	Uhhh banyak tahun dah, belajar buat sendiri lah, dari tengok je macam tu, ayah saya, suami saya, abang saya, pastu saya buat lah...
------------	---

- d) Bahan yang diperlukan (Kayu)

Informan 4	Cari kayu lah, kayu merbau, dengan kayu rengas. Kalau kayu rengas tu susah sikit, kalau kayu rengas ni ada corak sikit lar dalam kayu dia, dia ada macam cantik lar urat kayu dia tu, kayu rengas ni warna dia merah sikit, kalau rengas dia lembut sikit, kalau merbau dia keras, rengas ni kalau dia buat tu kena lembut lar nanti kayu dia pecah, kalau takt ahu cara tu memang tak jadi lah, merbau tak pe dia memang keras...
------------	--

e) Peralatan yang digunakan

Informan 1	Ini lama dah saya tak guna ni, banyak lagi alat-alatnya. Ini alat alat yang saya guna dari zaman muda-muda lagi, dah banyak yang karat, pahat Kuku untuk tebuk lubang, kertas Pasir untuk menlicinkan permukaan patung tu, pahat kecil untuk buat bentuk dekat patung tu, beliung/gergaji untuk tebang kayu pokok tu untuk hasilkan patung. Akhir sekali pencuci/syelek untuk menghaluskan lagi permukaan patung untuk nampak cantik....
Informan 4	Hah ni peralatan saya guna , sepilih (pakai pisau raut), pahat kuku (untuk korek-korek bahagian dalam), kertas asir (gred 1 gred 32) (Utk haluskan permukaan patung), minyak Syelek (Utk bagi dia tahan lama, supaya tidak rosak), pahat Biasa (Ni kita buat utk buat muka ke).....

f) Proses ataupun teknik

Informan 1	Ahhh macam macam lar..apa tu macam..apa ni, nak cuci dia punya tu.. nak bag licin patung tu..apa tuu saya lupa nama dia..macam kertas pasir tu..kena gosok-gosok kay tu bagi licin. Lain tu macam ketam ketam kayu tu lar, Dia bentuk tu macam-macam, nak buat bentuk haiwan tu pun boleh, nak buat bentuk hantu-hantu tu pun boleh.....
------------	--

g) Masa yang diperlukan untuk mahir

Informan 4	<p>Ermm setahun lebih jugak lah, termasuk lah sepilih tadi, kita balik menoreh kita belajar buat dia tu. Jadi tak jadi kita buat je lah. Kadang kadang tak jadi muka, kita korek tak jadi kita buang lah. Nak kena sabar lah, kalau kasar kasar tu tak jadi lah, macam sekolah jugak, belajar perlahan-lahan macam tu. Kalau marah-marah tak jadi apa lah....Kalau kita buat mula-mula tu, kita buat separuh, kita berhenti, kita makan dulu, kita tidur dulu, dah okay, kita sambung balik. Itu masa mula mula saya buat, kalau sekarang saya terus buat je, kalau sekarang ni, dalam 2 minggu dah siap dah, siap siap semua lah termasuk syelek betul-betul kilat lah saya buat.</p>
------------	--

## 2. Simbolik Patung Ukiran Kayu Jah Hut.

a) Simbolik patung ukiran kayu

Informan 3	<p>Patung “Sepilih” ini lah yang sebagai hantu setan lar ni, hantu setan ni yang menjelma nak makan pada kita ni. Eh kadang kadang kita tegur, burung benda tu dah sakit kepala, Kita tahulah orangnya, benda yang makan dekat kita tu, kita semua tahu, itu lar tu, diaorg apa yang hantu ni “Bes Hyang Dney” macam tu lah.</p>
------------	--

b) Puyang atau Bomoh

Informan 4	tanya tok bomoh tu tadi apa sepilih yang nak kena buat nanti, nanti tukang pengukir kayu buat lah apa yang tok bomoh bagitahu tadi.
Informan 3	Bila tak de lar jampi dia habis, bukan sebarang orang boleh jadi bomoh, tok mudin ke, perlu fikir banyak banyak kerana ia melibakan nyawa, melibatkan apa yang kita tak nampak, kena hati hati dengan apa yang kita buat, kalau salah langkah habislah kita, boleh mati. Roh hantu setan jangan buat main-main, nak menuntut ilmu jadi bomoh ambik masa yang lama, kena bertapa, kena belajar semua tu. Bukan main main. Sebab tu kalau nak jadi bomoh kena tanya dulu isteri ahli keluarga boleh ke jadi bomoh apa semua, kalau diaorang tak bagi tak boleh lah, tak bagi tu bukan sebab apa ia melibatkan nyawa, sampai sekarang mungkin kita tengok dah moden apa semua kan, tapi hantu setan tadi masih ada di sekeliling kita cumanya kita tak nampak tu semua.

c) Senarai nama ‘Bes’ dalam patung sepilih.

Informan 4	Ada dalam 1600 macam tu, dia “Bes” makhluk dia tu, dia macam-macam jenis, ada yang kepala dua, tapi tak belajar habis lah semua, setakat dalam 500 – 600 je lah, yang lebih tu saya tak tahu lah. Yang utama “Bes” saya buat macam sakit belakang, lelah, kepala. Kalau sakit kepala saya buat lah patung yang bentuk “Bes”
------------	---

bahagian kepala ni. Kalau kita buat bentuk tak sama dengan sakit dia, upacara ‘Beni’soy” tu tak jadi lah, tak sembah, nak kena sama dengan tu jugak. Kena tanya bomoh betul betul lah sakit dia apa.

Antara Sepilih yang saya ingat lah:

1. Cacing Kerabok- dia hidup dekat tempat air kotor, bagi kesan kat budak-budak nanti perut dia org bengkak pastu boleh kurus
2. Kumok Jah (Yang Utama) – paling saya takut, sebab dia roh yang paling jahat, ada pantang larang kalau nak ukir.
3. Bes Bungkok (Hantu Bongkok Pinggang) – tinggal di akar besar, kalau lalu sana dia akan pukul sampai orang tu tak boleh bangun lah
4. Dyang Nyey – kunci segala bes, yg paling utama lah
5. Bes Chemang Lentak (Hantu Lidah Panjang) – tinggal dalam hutan tu, lidah dia pajang nanti dia boleh jilat kita ikut sampai rumah.
6. Hantu Langsuir – roh hilang anak, suka ganggu budak-budak, budak-budak kena hati hati lah nanti hilang
7. Bes Chep Iwa’ (Hantu Pegang Anak) – tinggal kat pokok ara, dia suka tangkap budak umur 4 hingga 8 tahun, pastu dia suka makan kaki budak.
8. Bes Chole (Hantu Sakit Mata) -kalau sakit mata, org dulu percaya lah bes ni yg buat, nanti mata jadi radang merah mcm tu

	<p>9. Bes Jabi' (Hantu Jabi) – tinggal kat lumpur sungai, nanti kalau terkena badan akan rasa panas lepas tu sejuk sangat</p> <p>10. Bes Bongo (Hantu Punggor) – dia suka jatuhkan dahan kalau orang lalu bawah pkok dia, boleh sampai mati kalau kena.</p> <p>11. Bes Bekaw (Hantu Bunga)- ada dekat pokok buah, kepala akan sakit sangat kalau bau bunga dia, sebab busuk sangat.</p> <p>12. Bes banir (Hantu Pokok Banir) – tinggal kat pokok banie, suka takutkan orang, nanti orang tu boleh kena sampuk</p> <p>13. Bes Bumi (Hantu bumi) – ada dalam bawah tanah, suka kacau budak siang malam, nanti budak nangis sebab nmpk</p>
Informan 8	<p>Bes ni itulah roh/hantu yang dalam hutan tu lah, dari situ lah dia, orang dulu percaya kalau sakit tu puncanya dari masuk hutan lah, kita kacau tempat dia ke, dia pun masuk lah dalam badan kita. Contoh macam yang saya ingat tak banyak lah tapi:</p> <p>1) Bes Awan (Hantu Panggok Awan) – ada tiga bes dalam satu patung, yang pertama, Bes Sohudi Awan (Hantu Ribut), Bes Putri Awan ( Hantu Hujan), Bes Bankok Awan (Hantu pengumpul Awan), Orang jah hut percaya tiga bes ni duduk dekat awan, kalau bes awan ni macam marah, angin akan rebut pastu akan hujan lebat, jadi kalau siapa jalan bawah hujan lebat akan demam panas. Kepercayaa orang dulu lah ni, saya tak tahu saya dengar saja.</p>

- 2) Bes Bisul Penajen (Hantu Bisul) – orang dulu percaya lah kalau ada bisul ni, sebab bes bisul penajen ni lah,
- 3) Bes Bre' (Hantu Hutan) – hantu/roh yang ada satu kaki je, duduk dekat pokok ara bila daun itu bewarna merah, jadi kalau nak masuk hutan kena jaga jaga lalu bawah pokok tu, sebabnya orang percaya kalau lalu masa bes bre ada orang tu akan jadi cepat marah.
- 4) Bes Bulus (Hantu Lembing) – orang percaya bes bulus ni bila sakit di mana pesakit tu sesak nafas yang teruk, kalau lambat berubat akan mati.
- 5) Bes Banir (Hantu Pokok Banir) – orang dulu percaya lah, yang, kalau ada orang datang kacau atau buang sesuatu kat tempat dia bes banir akan marah, jadi orang tu akan membengkak satu badan.

Dalam 5 je lah saya ingat, saya dah tua, tak ingat dah semua tu.

d) Penerangan Upacara Beni Soy

Informan 8	Beni Soy ni upacara yang penting lah dulu dalam perubatan, yerlah satu satunya perubatan dulu, Beni Soy ni akan dimulakan kalau ada orang yang sakit, atau terkena penyakit dalam hutan ke yang diketuai lah oleh puyang (bomoh) dibantu oleh biduan (pembantu bomoh). Puyang mintak bantuan daripada semangat daun pokok (Jah Sla' Naho), kalau puyang panggil semangat daun pokok tu tanpa sebab puyang tub oleh jatuh sakit, boleh jadi perkara yang tak baik lah nanti kat puyang, jadi kalau nak panggil, mesti ada sebab dan cara yang betul untuk panggil semangat tu.
Informan 8	Beni Soy ni upacara yang penting lah dulu dalam perubatan, yerlah satu satunya perubatan dulu, Beni Soy ni akan dimulakan kalau ada orang yang sakit, atau terkena penyakit dalam hutan ke yang diketuai lah oleh puyang (bomoh) dibantu oleh biduan (pembantu bomoh). Puyang mintak bantuan daripada semangat daun pokok (Jah Sla' Naho), kalau puyang panggil semangat daun pokok tu tanpa sebab puyang tub oleh jatuh sakit, boleh jadi perkara yang tak baik lah nanti kat puyang, jadi kalau nak panggil, mesti ada sebab dan cara yang betul untuk panggil semangat tu.

Informan 8	<p>Beni Soy ni upacara yang penting lah dulu dalam perubatan, yerlah satu satunya perubatan dulu, Beni Soy ni akan dimulakan kalau ada orang yang sakit, atau terkena penyakit dalam hutan ke yang diketuai lah oleh puyang (bomoh) dibantu oleh biduan (pembantu bomoh).</p> <p>Puyang mintak bantuan daripada semangat daun pokok (Jah Sla' Naho), kalau puyang panggil semangat daun pokok tu tanpa sebab puyang tub oleh jatuh sakit, boleh jadi perkara yang tak baik lah nanti kat puyang, jadi kalau nak panggil, mesti ada sebab dan cara yang betul untuk panggil semangat tu.</p> <p>Upacara ni hanya boleh dijalankan pada waktu malam sahaja, kalau tak semangat daun pokok takkan datang, rumah pokok bagi semangat daun pokok ni (Jah Sla'Naho) ni pokok Pokok Legong.</p> <p>Cara untuk panggil tu,</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Mula-mula puyang akan panggil semangat daun pokok satu persatu untuk berkumpul di belakang puyang.</li> <li>2. Lepastu kiranya, semangat daun pokok tu akan pergi pada orang sakit tadi untuk bawak penyakit atau roh/semangat jahat dalam badan pesakit tadi.</li> <li>3. Selepas selesai, semangat daun pokok (Jah Sla'Naho) akan pulang semula ke rumahnya.</li> </ol> <p>Sebelum nak mula tu, ahli keluarga perlu sediakan tempat untuk upacara Beni Soy tu, perlu letak daun-daun disekeliling tempat tu</p>
------------	--

untuk tutup, nanti puyang dan pesakit akan duduk di tengah tempat beni soy tadi, dipanggil sebagai Balai Berteh, selain itu, nanti ahli keluarga perlu sediakan barang-barang yang puyang nak guna, 7 daun setawa yang digaul dengan tepung beras dan air, rotan kemenyan, bun dalam 20 helai daun satu bun. Untuk seorang pesakit 3 bun bahau (Pakaian kepala untuk puyang), samban Luan (untuk dipakai pada badan puyang, kulit dari pokok luan), samban Chin Chong (dari akar pokok chin chong), tepung Re Kwo (Bebola dari tepung beras, sorang satu untuk pesakit), kunyit Mulai, Penerok (air embun hujan).

### **Upacara Beni Soy ni dijalankan selama 2 malam:**

#### **Malam Pertama**

- Puyang dan pesakit akan duduk bertentangan dalam tengah tempat tu, yang dikelilingi oleh ahli keluarga.
- Puyang akan bakar kemenyan untuk asapkan seluruh badannya
- Pastu puyang akan satu bun cium bun tersebut dan mula panggil (Jah Sla Naho) di mana mereka percaya semangat daun pokok akan membantu upacara tersebut.
- Selepas puyang merasakan semangat tu ada dengan dia, puyang ambik bun yang pertama letak pada mulut dia dan dia memukul badan pesakit tadi dengan bun itu untuk mencari lokasi bes tadi dan keluarkannya dari badan pesakit tadi.

	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Puyang ambil bun kedua untuk keluarkan bes dalam badan pesakit</li> <li>• Selepas puyang dapat bes tadi, pesakit diarahkan untuk menghadap puyang.</li> <li>• Puyang memberkati mangkuk nasi dengan kemenyan kemudian mencelupkan bebola nasi ke dalam penerok dan mengguungnya ke atas badan untuk sejukkan badan pesakit.</li> </ul> <p>Menggiling tepung pada badan</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Puyanga ambil kunyit mulai pastu kunyah dalam mulutnya sampai hancur, dan semburkan pada badan sakit dan ratakan pada badan dia untuk jauh kan penyakit dari badan dia.</li> <li>• Puyang akan menggunakan asap kemenya untuk memberkati samban luan dan samban chinchong supaya puyang tidak akan gatal selepas memakainya.</li> <li>• Pesakit akan pergi ke satu sudut yang dipanggil ‘Ngenok Chempok’</li> <li>• Puyang akan ambil bun yang ketiga, dan naikkan tangannya ke atas untuk minta kekuatan dari ibu bumi dan bapa langit, kalau tak upacara tu tidak akan jadi.</li> <li>• Selepas itu, puyang akan asapkan bun tadi, dan letakkan semula pada badan pesakit untuk mencari lagi bes.</li> <li>• Dapat kenal pasti, puyang sekali lagi ambik tepun beras yang dah dibulatkan tadi menggiling balik pada badan pesakit untuk sejukkan badannya.</li> </ul>
--	--

- Selepas itu, puyang dan biduan akan mula menyanyi lagu Jah Sla Naho, sambal Wanita dan kanak-kanak perempuan memainkan bunyi bunyian dari hentakan buluh beramai-ramai sampai selesai.
- Setelah selesai semua, semangat daun pokok tadi akan datang dalam khayalan puyang untuk bagi keberkatan dan akhirnya memberitahu puyang jenis sepilih apa yang perlu di buat pada keesokannya.

Keesokan paginya, puyang akan arahkan pada biduan untuk memberitahu kepada tukang pengukir sepilih apa yang perlu dihasilkan untuk upacara malam ni. Biduan akan mencari tukang pengukir untuk menghasilkan dalam 10 jenis sepilih. Untuk setiap individu 10 sepilih yang akan dihasilkan. Jika tiada perubahan, maka aka nada upacara yang ketiga sampai pesakit tu sembah.

#### **Malam Kedua:**

1. Tukar Ganti – Bertukar sakit ke dalam sepilih, pesakit akan membelakangkan puyang. Puyang akan memegang sepuluh sepilih dengan kedua-dua tangan dan dia menekannya ke belakang orang sakit, jadi penyakit tadi akan masuk ke dalam sepilih, dan setelah masuk puyang membacakan sesuatu (jampi) dan meminta orang yang berhampirannya untuk menghantar sepilih itu pergi jauh dari sini, letakkannya di bawah pokok dan tindih sepilih tadi dengan

	<p>kayu supaya seplih tu kunci tak dapat bergerak ke mana-mana nanti.</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>2. Ikat Bes – Ikat bes ni adalah di mana puyang menggunakan bun tadi diikat pada kepala pesakit dan baca jampi, lepastu puyang buka semula bun tadi, dan sapu kepala dan badan pesakit dengan air penawar supaya bes tadi tidak boleh balik semula kepada pesakit.</li> <li>3. Adat Menggolek ‘Tepung Alin (Tepung beras) – di mana puyang menggolek tepung tadi di atas badan pesakit untuk sejukkan badan pesakit tadi.</li> <li>4. Sembur Kunyit Mulai – Puyang mengunyah daun kunyit mulai dalam mulutnya dan semburkan kepada badan pesakit supaya jauhhkan sebarang penyakit yang ada pada dia.</li> <li>5. Tangkal atau Menangkal – Puyang sediakan tangkal dan dijampikan tangkal tersebut supaya pesakit dijauhkan daripada roh jahat atau sebarang penyakit yang akan memudaratkan dia, sebagai pelindung untuk pesakit.</li> <li>6. Penjor – Penjor ini sama dengan nyanyian Jah Sla Naho untuk memanggil roh yang hilang kembali semula pada badan pesakit, semoga upacara ni mendapat keberkatan dan kebaikan dan dijauhkan daripada roh jahat tadi.</li> <li>7. Penutup – Puyang membacakan satu ayat atau dikira macam jampi untuk memberkati upacara beni soy, untuk memulangkan semula daun semangat pokok tadi ke tempat</li> </ol>
--	--

	<p>asalnya, dan puyang memberkati pesakit tadi dan berakhirlah upacara beni soy.</p> <p><i>p/s: perjalanan cerita beni soy sudah saya ringkaskan mengikut kefahaman saya berdasarkan cerita Mak Cik Sarimah.</i></p>
Informan 8	<p>Apa yang saya tahu lah, selepas selesai upacara sawai malam tu, keesokannya, pesakit kena dimandikan oleh puyang menggunakan air embun, kita kena buat lar tempat tu, nama tempat tu ‘Balai Besar kandong embun’. Pesakit tak boleh mandi selama 3 hari, kalau nak buang air kecil atau besar boleh lar, kalau mandi satu badan tak boleh, nanti segala jampi hilang pada pesakit tu. Cumanya pesakit boleh mandi pada keesokannya oleh puyang dan biduan untuk melengkapkan upacara perubatan tadi. tak boleh keluar rumah selama 3 hari, kena duduk rumah saja, selepas 3 hari boleh keluar rumah, tetapi tak boleh masuk ke hutan selama 4 hari, makan kena jaga, tak boleh makan cili, ikan duri tak bole, tak boleh bau asap-asap bakar, macam sampah ke apa ke tak boleh. Penduduk kg kena tahu lah kalau nak bakar sampah tu kena tengok dulu boleh ke tidak.</p>

	Itu saja lah yang saya ingat, selepas dari tu tak de apa lah. Macam tu je lah. Kalau nak buat patung tu tak de lah pantang larang, sepilih pun tak de,
--	--

### 3. Penggunaan Patung Ukiran Kayu Pada Suku Kaum Jah Hut

#### a) Kegunaan Perubatan

Informan 8	tapi selalunya sepilih kalau salah memang tak jadi lah, kena buat yang lain lah upacara tu. Macam saya cakap tadi pada malam pertama Jah Sla Naho akan bagitahu bes apa dekat puyang, kalau situ salah, jadi sepilih pun salah lah. sepilih tu macam rumah baru untuk dia supaya keluar dari badan pesakit tadi, kita kunci dia dalam tu supaya dia tak keluar lagi....
Informan 4	Sepilih ni tak jual, kita buat untuk perubatan saja. Percuma je lah. Kalau patung macam ni saya buat je lah. Kiranya macam orang mintak pertolongan dengan kita lah, kita tolong, sama sama kita je kan...

#### b) Punca Pendapatan

Informan 4	Patung ni kadang tak tentu harga ada yang 500/600 paling mahal dalam 1000 lah, ada dalam 2 inci 3 inci ikut permintaan orang tu sendiri lah nak besar mana patung tu.
------------	---

Informan 1	Tengoklah besar patung tu macam mana, kalau besar ada lah dalam 200 lebih macam tu, kalau lagi besar lagi mahal lar patung tu, paling mahal dalam 1000 macam tu. Ikon besar mana lah patung tu saya buat. Tengok bentuk dia jugak lar, kalau susah bentuk dia saya jual mahal jugak. Dulu memang saya buat patung dapat pendapatan, skang ni macam macam lar kerja. Kerja kampung macam tu je lar. Dengan tua nya skang ni tak daya dah nak buat kerja dah.
Informan 8	kalau dulu zaman dulu, buat patung ni orang jah hut kaya, boleh letak emas dekat gigi, sekarang tak de dah, tak de orang mintak dah patung ni semua.

c) Kepercayaan dan amalan

Informan 2	Tak silap saya ada dua, agama Kristian dengan agama islam lah yang saya tahu. Dekat kg sini pun ada gereja dengan surau, tapi tak besar mana kecik je cukuplah untuk penduduk kg ni. Dan ada juga yang tiada agama (Atheis).
Informan 1	Saya dah tak amalkan, saya dah tak percaya amalan perubatan tradisional “Sepilih” itu tadi. Saya dah beragama, saya masuk

	Kristian jadi kalau sakit ke apa ke makan ubat lah, beli di kedai. Percaya, saya membesar dengan perubatan beni soy ni, suami saya pun puyang, tapi dah sekarang dah tak de ni, tak buat dah lah, anak anak saya kata sakit, pergi klinik hospital makan ubat saja, saya ikut saja lah, saya dah tua ni, mana boleh lawan, ikut saja lah anak saya kata macam tu, masih percaya tapi tu lah sini dah tak de perubatan gunaa sepilih ni...
Informan 8	Percaya, saya membesar dengan perubatan beni soy ni, suami saya pun puyang, tapi dah sekarang dah tak de ni, tak buat dah lah, anak anak saya kata sakit, pergi klinik hospital makan ubat saja, saya ikut saja lah, saya dah tua ni, mana boleh lawan, ikut saja lah anak saya kata macam tu, masih percaya tapi tu lah sini dah tak de perubatan gunaa sepilih ni...

#### **4. Inisiatif Bagi Memelihara Warisan Patung Ukiran Kayu Jah Hut yang Dicadangkan Oleh Informan**

- a) Cadangan Inisiatif

Informan 2	Percaya, saya membesar dengan perubatan beni soy ni, suami saya pun puyang, tapi dah sekarang dah tak de ni, tak buat dah lah, anak anak saya kata sakit, pergi klinik hospital makan ubat saja, saya ikut saja lah, saya dah tua ni, mana boleh lawan, ikut saja lah anak saya kata macam tu, masih percaya tapi tu lah sini dah tak de perubatan gunaa sepilih ni...
Informan 4	buat pondok depan rumah. Saya ada juga nak bincang-bincang dengan budak muda tapi sini buat program ke apa ke budak muda datang....
Informan 6	Kalau macam saya eh, macam orang tua tu kan, dia contoh kalau time malam kan, macam apa kitaorang kan kalau time time malam melepak saja saja, orang tua tu boleh kot datang situ ceritakan pasal kraftangan ke cerita rakyat ke untuk kitaorang minat nak dengar, macam adakan satu aktiviti hujung minggu ke, sebab kampung kitaorang tak besar mana, boleh buat macam satu balai ke lepak ramai ramai situ, dari situ mungkin boleh timbul minat nak belajar, bagi saya kalau dah diajar, ditunjuk dari kecik macam mana, mungkin saya pun boleh minat tapi saya tak membesar dengan suasanan macam tu dah, jadi saya kurang pengetahuan pasal tu semua,

## GLOSARI

No.	Nama	Maksud
1.	Sepilih	Patung yang digunakan dalam perubatan tradisional
2.	Beni Soy	Upacara pemujaan dalam perubatan tradisional
3.	Puyang	Bomoh dalam masyarakat orang asli
4.	Bes	Roh jahat
5.	Jah Sla Naho	Roh semangat daun pokok
6.	Bun	Helaian daun peralatan upacara
7.	Bahau pakaian	Pakaian kepala bomoh
8.	Samban Luan	Aksesori yang dipakai pada badan bomoh iaitu dari kulit pokok luan
9.	Samban Chin Chong	Akar pokok ching chong peralatan upacara
10.	Tepung Re Khow	Tepun beras peralatan upacara
11.	Kunyit Mulai	Daun pokok kunyit peralatan upacara
12.	Penerok	Air embun hujan
13.	Ngenok Chempok	Satu tempat pemujaan semangat daun pokok di luar rumah
14.	Biduan	Pembantu bomoh
15.	Penjor	Nyanyian untuk panggil roh yang hilang kembali ke dalam badan pesakit
16.	Balai Besar	Tempat mandian pesakit
	Kandong Embun	

17.	Cacing Kerabok	Hantu cacing
18.	Kumok Jah	Roh jahat yang paling ditakuti
19.	Bes Bungkok	Hantu bongkok pinggang
20.	Hyang Dney	Kunci kepada segala ‘bes’
21.	Bes Cherung Lentak	Hantu lidah panjang
22.	Hantu Langsuir	Roh kehilangan anak
23.	Bes Chep Iwa’	Hantu pegang anak
24.	Bes Chole	Hantu sakit mata
25.	Bes Jabi’	Hantu dalam lumpur sungai
26.	Bes Bongo	Hantu roh hutan
27.	Bes samang	Beruk
28.	Bes Bekaw	Hantu bunga
29	Bes Banir	Hantu pokok banir
30.	Bes Bumi	Hantu bumi
31.	Bes Awan	Hantu Awan
32.	Bes Bisul Penajen	Hantu bisul
33.	Bes Bre’	Hantu hutan
34.	Bes Bulus	Hantu lembing
35.	Tok Batin	Ketua Kampung
36.	JAKOA	Jabatan Kemajuan Orang Asli
37.	JHEOA	Jabatan Hal Ehwal Orang Asli